

KONFLIK DAN INTEGRASI DI KAMPONG KEPAYANG
FAIR PARK, IPOH, PERAK

LATEHAN ILMIAH
DAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh
No. Matrik 24124

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
NOVEMBER 1976.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memimpin dan membantu saya bagi menyiapkan kajian yang lengkap ini. Diantara mereka mereka yang terlibat ialah:-

- Che Rokiah Talib (Pemangku Ketua Jabatan Antropologi, University Malaya) yang sudi menyelia dan membimbing saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.
- Enche Marun Haji Abu Bakar (Ketua Kampong Kepayang) yang telah memberikan perizinan untuk membuat kajian keatas kampong ini.
- Enche Hambali Mahmud, yang telah memberi maklumat serba sedikit mengenai kampong ini.
- Enche Mat Ali b. Ziang Abdul Rahim, yang telah bersama-sama membantu saya kerumah rumah responden.
- Penduduk-penduduk Kampong ini yang telah bekerjasama bagi menjayakan kajian ini.
- Akhir sekali kapada anak-anak kampong ini yang telah sudi menolong saya dalam usaha-usaha untuk mendapatkan data-data dan maklumat.

Dengan jasa dan kerjasama yang diberikan saya mengucapkan setinggi terima kasih dan segala pertolongan yang diberikan tidak akan saya lupakan.

MAJUJU	i
PENGHARGAAN	ii
ISTI KANDUNGAN	iii
DAFTAR JADUAL DAN RAJAH	iv
DAFTAR LAMPIRAN	v
BAB I LATAR BELAKANG KAMPONG KEPAYANG	I
i. Kedudukan	I
ii. Sejarah	5
iii. Sosial	9
iv. Ekonomi	12
v. Politik	13
BAB 2 SUB VILLAGE	21
i. Timbulnya sub village	21
ii. Faktor Menceraiakan	21
iii. Faktor-faktor menyatukan	24
BAB 3 TEORI TEORI KONFLIK DAN KONFLIK DALAM KAMPONG KEPAYANG	28
I. Teori-teori Konflik	28
II. Konflik dalam Kampong Kepayang	37
i. Perbezaan nilai	38
ii. Mat Oriented dan Noden Oriented	43
iii. Keturunan yang berlainan	50
iv. Konflik Kepentingan	54
BAB 4 INTRODUKSI DAN PUNCA TUMPUAN INTEGRASI DALAM KAMPONG KEPAYANG	61
I. Kawanan	63
ii Keluarga	65

iii. Tanah perak	63
iv. Pertubuhan pertubuhan dan Institusi	71
v. Kebudayaan, Kepercayaan dan ugama	72
VI. Pusat pusat tumpuan integrasi	73
i. Dewan orang ramai	79
ii. Masjid dan surau	82
iii. Kenduri	86
iv. Gotong royong	90
v. Selanggung bulu tangkis	92
vi. Kumpulan bual (gossip group)	94
BAB 5 PENUTUP	95
BIBLIOGRAPHY	99


DARFAR JADUAL DAN RAJAH

I. Penyebaran penduduk mengikut kumpulan umur dan jantina	3
II. Rajah Datuk Panglima Rinta dan keluarga Paloh dan Kepayang	6
3. Kampong asalresponden	9
4. Bilangan anak-anak diluar kampong mengikut status mereka	10
5. Siri ciri pekerjaan dan tenaga kerja diKampong Kepayang	16
6. Tumpuan kerja penduduk penduduk Kampong Kp payang	17
7. Melasifikasi pekerjaan	17
8. Senarai nama-nama Ketua Kampong Kepayang	19
9. Pendidikan ketua keluarga	45
10. Aliran persekolahan ketua keluarga	45
II. Kelulusan anak-anak yang telah tamat sekolah	46
12. Aktiviti-aktiviti ugama yang dijalankan diKampong Kepayang	75
13. Jadual waktu dan kegiatan sosial didewan orang ramai Kampong Kepayang	79


DARFAR LAMPIRAN

- Peta Negeri Perak
- Peta Kampong Kepayang.

Peta I. Peta Negeri Perak menunjukkan daerah-daerah.



Peta II



PENDAHULUAN

Bidang Kajian.

Kajian ini telah dilakukan pada 11.4.1976 di sebuah kampong yang telah dipilih iaitu Kampong Kepayang Fair Park Ipoh, Perak. Ia adalah merupakan sebuah perkampungan Melayu yang terletak di pinggiran bandar Ipoh. Kajian ini ditumpukan pada penguraian masalah konflik dan integrasi yang terdapat didalam sistem sosial kampong ini, serta bagaimana interaksi kedua duanya dalam mengalami proses penyesuaian didalam sistem sosial.

Sabtu ini pengkaji telah membuat "preliminary survey" dikawasan perkampungan yang dikaji. Ini adalah penting kerana ia dapat memberikan gambaran kasar tentang keadaan keadaan yang hendak dikaji. Kejadian konflik dan integrasi didalam aspek sosial memang tidak dapat dinafikan. Ia merupakan satu keadaan yang tersedia ada dalam tiap tiap masyarakat. Dengan itu pengkaji didalam penguraian selanjutnya menumpukan aspek aspek konflik dan integrasi yang terdapat dalam kawasan ini khususnya dalam kontek perubahan sosial.

Masaalah kajian.

Dalam usaha usaha untuk menyiapkan kajian ini pengkaji telah menghadapi berbagai bagai masaalah. Antara masaalah masaalah yang timbul ialah :-

- i. Kurangan bahan rujukan seperti peta peta dan statistik mengenai kampong ini menyebabkan masaalah kajian "demography". Upanama benci benci penduduk yang topat, benci migrasi (orang keluar dan masuk kampong).

- ii. Kesukaran timbul untuk mendapatkan data data dan maklumat dari responden. Dilapati pelak responden sangatlah susah untuk ditemui

Kerana kerumunan pekerjaan mereka. Diwaktu pagi mereka bekerja. Kebanyakan dari mereka pergi ke tempat pekerjaan (dikawasan bandar) pada pukul tujuh pagi dan pulang lewat tengah hari dan ada setengah setengahnya diwaktu petang dan malam saja. Itu pun jika pehak responden tidak membuat pekerjaan pekerjaan sampingan seperti menebas kebun dibelakang rumah. Selalunya pada hari Ahad dan hari hari kelopasan am merupakan kesempatan yang paling baik bagi pengkaji untuk bertemu dengan responden responden.

iii. Kesengkatan masa didalam membuat kajian (kira kira tiga minggu) adalah merupakan masaalah yang tidak dapat tidak diperkatakan. Tambahan pula saya adalah orang luar kampong ini. Oleh kerana itu saya hanya mengetahui serba sedikit mengenai Kampong Kepayang hanyalah dalam tempoh waktu tersebut. Oleh itu mustahillah bagi saya untuk mengetahui kampong ini keseluruhannya. Pengetahuan yang ada pada saya sebagai orang kampong dapat menolong sedikit sebanyak menjalankan usaha usaha ini.

iv. Masaalah juga timbul oleh pengkaji apabila hendak menerangkan kepada penduduk kampong tentang tujuan kajian. Oleh kerana itu pengkaji terpaksa berhati hati apabila mengemukakan persoalan persoalan. Terutama apabila menyoal tentang peribadi mereka.

v. Terdapat juga pehak responden yang menyeleweng apabila soalan soalan dikemukakan. Seringkali mereka menjawab berdasarkan sentimen dan bias, seolah olah menyembunyikan sesuatu seperti soal soal peribadi, pendapatan, simpanan, sikap dan lain lain lagi. Hal hal seperti ini membawa kesulitan untuk membuat rumusan.

vi. Bagi responden yang agak tua boleh dikatakan buta huruf. Pengkaji menghadapi masaalah untuk mengetahui pendapat mereka dan mengambil butir butir maklumat darinya. Pengkaji terpaksa menerangkan

soalan soalan atau keterangan keterangan dengan berulang ulang kali. Kadang kadang terdapat gangguan saperti anak anak responden, juga orang yang tidak berkenaan yang singgah dirumah itu mencampori secara tidak langsung temuduga itu. Disamping itu kesulitan kesulitan bahasa (loghat) tidak menjadi masaalah kerana pengkaji faham loghat loghat yang ditutori oleh mereka.

vii. Terdapat juga pandangan pandangan yang negatif oleh setengah setengah responden, terutamanya golongan tua yang menganggap pengkaji sebagai mementingkan diri sendiri dengan mengambil butir maklumat orang orang kampong. Ditemui juga pandangan saperti "spy kerajaan" bagi mereka yang telah melakukan kesalahan. Umpamanya lari dari Rancangan Felda dalam tempoh waktu yang belum cukup. Manakala dipehak askar askar pula terdapat pandangan yang serong. Kononnya pengkaji adalah ajen ajen kominis.¹ Hal ini diketahui oleh pengkaji kerana terdapat salah seorang responden (askar) itu berasal sekampong dengan pengkaji. Kononnya hal hal temuduga itu telah dilaporkan ka pehak pegawai atasan oleh responden (askar) yang lain.

Metode metode kajian.

Seminggu sebelum kajian dijalankan pengkaji telah membuat satu "preliminary survey" keatas kampong ini. Untuk mengambil keperluan keperluan data dan maklumat dalam penyelidikan ini berbagai bagai metode (cara) telah dipergunakan. Cara cara kajian yang dilakukan ialah dengan cara bertemuramah, formal dan informal. Bermula dari rumah Tok Ketua kajian dilakukan dari sabuah rumah yang berhampiran kerumah yang lain pula. Metode metode yang digunakan adalah saperti berikut:-

- (1) Ketika kajian dijalankan, negara sedang menghadapi persoalan persoalan anasir kominis.

i. Participant observation (menyertai dan memerhati).

Cara ini adalah merupakan yang paling berkesan untuk mendapatkan data data dan maklumat maklumat yang objektif. Kira kira selama tiga minggu pengkaji berada dikampung ini, pengkaji dapat bergaul dengan penduduk penduduk kampong. Dengan ini pengkaji dapat memahami kehidupan mereka dengan cara yang lebih mendalam lagi. Tambahan pula aspek yang dikaji adalah mengenai soal soal konflik. Cara yang paling baik adalah dengan cara menyertai dan memerhati (perhatian). Kajian yang bercorak "questionairre" tidak boleh digunakan terutama apabila disentoh mengenai hal hal konflik.

ii. Cara questionairre — kajian bercorak ini adalah ditumpukan kepada perkara perkara atau untuk mendapatkan data data seperti angka bilangan anak anak, pendapatan, pemilikan dan lain lain. Ianya dikemukakan cara langsung dalam bentuk 'closed question'. Manakala persoalan persoalan yang berbentuk 'open question' tidak dapat digunakan dengan sepenohnya. Amatlah susah bagi pengkaji untuk mengetahui pendapat mereka dengan tepat, terutama persoalan persoalan yang bercorak sensitif seperti ditanyakan soal soal peribadi dan soal soal konflik.

iii. Temuduga — Cara ini dilakukan kepada orang orang yang berstatus tinggi¹ dalam kampong itu seperti Tok Ketua, golongan guru dan seorang dua kaum kaum bapa yang berpengaroh dikampung ini. Disamping itu juga metode ini dilakukan pada orang orang yang tidak dapat menjawab persoalan yang berbentuk questionairre seperti orang orang buta huruf dan orang orang yang agak uzur keadaannya.

(1) Dimaksudkan cukup pelajaran dan sudah pandai mengkeritik sesuatu yang dikemukakan.

Perlu dinyatakan bahawa segala cara kajian yang dijalankan dengan cara diatas adalah dalam bentuk formal dan informal. Didapati cara informal adalah lebih sesuai dari cara formal. Umpamanya dengan mencampori kumpulan kumpulan bual sedikit sebanyaknya dapat memberikan butir butir yang agak penting.

BAB I

LATAR BELAKANG KAMPONG KEPAYANG

(I) Kedudukan.

Kampong Kepayang Fair Park adalah merupakan sebuah perkampungan orang Melayu yang terdapat di Negeri Perak. Terletak kira-kira setengah batu dari bandar Ipoh, Kampong ini adalah merupakan perkampungan khas bagi orang Melayu (Maley Reservation Area). Ianya bukanlah terbentuk dari proses rancangan rancangan pemindahan penduduk oleh pihak kerajaan.

Luas kawasannya tidaklah dapat dipastikan. Tapi sempadannya dapat ditentukan.^I Disebelah barat kawasan ini terdapat landasan keretapi Ipoh-Pulau Pinang. Dikeliling kampong ini terdapat pekan-pekan kecil dimana penduduk penduduk disini dapat membeli dan menjual barang-barang. Terdapat sebuah gunung berhampiran dengan landasan keretapi iaitu Gunong Mat Sirat yang dikatakan keramat oleh penduduk penduduk disitu. Kira-kira dua setengah batu keutara didapati kawasan perindustrian (Tasek Industrial Area). Di sana terdapat kilang-kilang membuat simen dan asbestos.

Ditengah-tengah perkampungan ini mengalir sebatang sungai yang membahagikan kampong ini kepada dua bahagian yaitu Kampong 'Kepayang Seberang Sana' dan Kampong 'Kepayang Seberang Sini' (lihat peta II) Kepayang I bagi menunjukkan Kampong Kepayang Seberang Sana dan Kepayang II bagi Kampong Kepayang Seberang Sini. Sungai Kinta ini membahagikan dua sub

(1) Yom Zumaimi Zainuddin: Proses Perubahan Sosial, sebuah Kampong Pinggiran Bandar, Kampong Kepayang, Fair Park Ipoh, Perak. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, K.L. 1973/74 hal. 16.

village seperti yang dicobutkan diatas. Sebuah titi kayu adalah merupakan penyambong antara dua sub village ini. Titi yang selebar enam kakilah ini adalah terhad bagi kenderaan kenderaan kecil saja. Kenderaan besar seperti lori tidak dapat masuk. Hanya kereta kereta kecil dan motor saja yang dapat menghubungi kawasan kawasan pendalam kawasan kampong ini. Ayer sungai ini selalunya adalah cetek saja dan ianya boleh diharungi. Ramai penduduk penduduk terutama yang tinggal dikawasan Hulu dan Tengah kampong ini menghorungi sungai saja ketika hendak keluar kekawasan pekan. Hanya orang orang yang berkenderaan saperti basikal, motokar dan basikal saja yang menggunakan jambatan ini. Pada masa dahulu penduduk penduduk disini terutama dikawasan Hulu dan Tengah membina titi titi untuk membeli barang dikawasan kampong Simee. Tetapi keadaan titi ini tidaklah berapa tegoh. Apabila hujan turun rupanya tidaklah kelihatan lagi. Pembinaan titian yang "temporary" begini sudah kerap dilakukan. Dengan sebab itu lah pada tahun 1969 Kerajaan Negeri Perak telah membina jambatan dengan perbelanjaan sebanyak \$20,000/-.

Menuju keutara kawasan perkampungan Tasek diikuti oleh pekar Tambun dan Pekan Tanjung Rambutan. Manakala dikawasan timor pula adalah kawasan perumahan yang berhampiran dengan Stadium Perak iaitu kawasan Kampong Simee dan Star Park dimana ramai bangsa bangsa asing tinggal. Di kawasan selatan pula adalah kawasan Ipoh yang merupakan ibu negeri Perak di bandar Ipoh inilah penduduk penduduk disini menjalankan kegiatan kegiatan mereka saperti membeli belah, disamping untuk menghiborkan hati sape menonton, bersiar siar diwaktu petang.

Jumlah penduduk kampong ini tidaklah dapat diketahui dengan tepat oleh kerana banyak penduduk penduduk yang keluar masuk dengan bebas di setiap tahun.¹ Pemindahan penduduk bukanlah berlaku secara berseorangan

(1) Sila lihat Jadual I (Penyebaran penduduk.)

Jadual I

Penyebaran penduduk mengikut kumpulan umur dan jantina.

Kumpulan Umur	Bilangan				Jumlah	
	lelaki	%	Perempuan	%		%
0 - 10	93	32.8	86	30.1	179	31.4
11 - 20	89	31.3	77	26.9	166	29.1
21 - 30	30	10.5	34	11.9	64	11.2
31 - 40	14	4.9	33	11.6	47	8.3
41 - 50	27	9.5	25	8.7	52	9.1
51 - 60	17	5.9	16	5.2	32	5.6
61 - 70	8	2.9	12	4.2	20	3.5
71 keatas	6	2.2	4	1.4	10	1.8
Jumlah	284	100.0	286	100.0	570	100.0

(Jumlah household = 100 buah)

saja tapi juga sekeluarga. Daripada banci penduduk yang didapati hingga kini adalah 1240 orang dan rumah yang berpenghuni adalah dianggarkan sebanyak 243 buah. Ini berbanding dengan jumlah angka bilangan penduduk pada tahun 1966 iaitu seramai 407 orang saja dan rumah yang ada di dalam kampong ini sebanyak 83 buah.¹ Pada tahun 1973 pula didapati seramai 1200 orang penduduk didalam kampong ini dan bilangan rumah pula adalah sebanyak 200 buah.² Kawasan rumahnya adalah membentuk linear, dimana rumah-rumah disini terdapat di kiri dan kanan jalan keapong. Seperti kawasan-kawasan kampong di Malaysia yang lain rumah-rumah juga ditutup berhadapan dengan sungai. Ici adalah kerana sungai dijadikan pusat perhubungan dengan kawasan kawasan luar pada zaman dahulu. Sungai adalah merupakan aspek yang agak penting juga bagi mereka, disamping alat perhubungan ia juga dapat memenuhi keperluan untuk bermandi manda dan membasoh kain.

Di pertengahan kampong ini terdapat sebuah masjid yang terletak dikawasan tengah (lihat peta II) dimana segala penduduk diperkampongan ini menunaikan sembahyang, terutama pada hari Jumaat.

-
- (1) Rokiah Talib: Konflik dan Integrasi Dalam Masyarakat perubahan (Kampong Kepayang), Kajian Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, K.Lumpur: 1966 - 67 hal. 34.
 - (2) Yom Zumaimi Zainuddin: op-cit, hal. 23.

(II) Sejarah.

Kampong Kepayang adalah kampong yang paling tertua sekali di daerah Ipoh. Penuhnya kampong ini tidaklah dirancangkan. Ianya ujud secara natural. Tarikh permulaan bila kampong ini dibuka tidaklah dapat dipastikan. Ini adalah disebabkan kekurangan bukti sejarah. Mengikut kebanyakan penduduk penduduk disini dan mengikut ramalan dari cerita cerita lisan (lagenda) dan dikaitkan dengan hubungan sejarah umur nya adalah dianggarkan 200 tahun lebuh.

I

Kampong ini telah pun didiami sejak pemerentahan Sultan Mudzaffar Shah II (1636 - 1653) lagi. Adalah menjadi kemegahan bagi penduduk disini kerana kebanyakan dari anggotanya berasal dari keturunan dari Datuk Panglima Kinta (keturunan yang berpengaruh dizaman itu). Banyak persamaan persamaan yang didapati dengan bukti sejarah. Tapi oleh kerana perubahan zaman maka terdapatlah cerita cerita lisan yang agak berbeda dari seorang penutur dan seorang penutur yang lain. Walaupun bagaimanapun nama nama yang terdapat didalam cerita sejarah itu adalah sama saja walaupun cerita yang terdapat perbezaan yang agak nyata.

Kononnya pada zaman dahulu ada seorang yang ternama yang menjadikan tokoh pada kampong Kepayang ini. Tok Cangkat Rembia, begitulah nama manusia itu. Peranannya amatlah besar pada Kampong Kepayang. Ia dikatakan telah menyelamatkan Kampong Kepayang dari serangan gajah puteh. Dengan tenaga yang ada padanya ia telah berjaya membunuh binatang itu. Dengan peristiwa ini ia telah dilantek menjadi Datuk Panglima Kinta I (sila lihat rajah I). Dan hingga kini maseh terdapat kubur yang dikatakan kuburnya atau lebuh terkenal lagi dengan nama Keramat Tok Changkat Rembia bagi orang orang kampong ini. Keturunan dari Datuk Panglima inilah (I) Data umur kampong yang sama juga boleh diperolehi dari Pejabat Daerah Ipoh.

Rajah I

Gelaran Datuk Panglima Kinta dari keluarga Paloh dan Kepayang. I

Tok Cangkat Piatu

Tok Piandang

Tok Tambak(i)

PALOH

KEPAYANG

Tok Cangkat Sega (ii)

Tok Cangkat Rembia (iii)

Tok Paloh (iv)

Tok Ngah Gapor (v)

Tok Janggut Ngah Sudin (vi)

Tok Gemok (vii)

Tok Seri Raja

Tok Pandak Abd. Majid

Tok Lasam (viii)

Uda Bidin (ix)

Yusuf (x)

Wahab (xi)

Che Wan (xii)

Che Tak (xiii)

Mohd. Yusuf/Chek Oreh (xiv)

Tahwil Azha r (xv)

(Datuk Panglima Kinta sekarang)

- (I). Dipetik dari kajian ilmiah Rokiah Talib: Konflik dan Integrasi Dalam Masyarakat Perubahan (Kampong Kepayang), Kajian Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, K.Lumpur 1966-67.

yang dikatakan penduduk asal Kampong Kepayang, dimana penduduk yang berasal (berketurunan) lain memandang status yang agak tinggi pada keturunan ini. Keadaan ini ujud hingga beberapa ketika. Tetapi sekarang status atau kedudukan mereka tidaklah diambil berat sangat. Ini adalah kerana perubahan zaman, dimana kedudukan sesorang itu tidak dipentingkan lagi. Tambahan pula ramai penduduk asal kampong ini yang berpindah randah ka tempat lain. Dan banyak penduduk dari luar datang ka tempat ini menggantikan tempat mereka. Keadaan bagini menyebabkan ramai diantara penduduk kampong ini yang tidak tahu siapakah yang dikatakan Datuk Panglima Kinta itu. Malah ada keturunan dari Datuk Panglima Kinta sendiri yang tidak tahu langsung berkenaan dengan kemasyorannya. Mereka hanya tahu kan namanya saja tapi tidak mengetahui sejarahnya. Cuma orang-orang yang lanjut umur saja yang dapat mengetahuinya. Tapi dalam kajian yang dijalankan penduduk yang ditemuramah cuma setakat empat atau lima orang saja yang mengetahui kesah Datuk Panglima Kinta. Bagitu juga terdapat peristiwa wabak taun (cholera) dinegeri Perak yang berlaku dizaman Sultan Mudzaffar Shah. Sunggohpun ini adalah merupakan cerita lisan saja tetapi ramai juga orang-orang lain yang takut pada ketika itu. Kononnya terdapat satu keluarga besar yang telah disumpah oleh neneknya kerana menanam nenek itu hidup hidup sebab tidak sanggup untuk lari.

Pada permulaannya kampong ini adalah dipenuhi dengan hutan rimba. Mengikut sumber yang dipercayai cuma terdapat 10 buah rumah pada ketika itu. Dari sini terbentuklah extended family dan berkembang seperti keadaan yang ada pada hari ini. Keluarga inilah yang dianggap sebagai "founder family",¹ bagi kampong ini. Keadaan "founder family" ini telah

(1) Gullick, J.M Indigenous political system of Western Malaya
Rumanities Press. Inc. New York 1959.

banyak yang pindah katempat lain disekitar kawasan yang berhampiran seperti diTambun, Kampong Tasek dan lain-lain lagi (lihat peta II).

Perpindahan penduduk penduduk kampong ini kekawasan lain ada lah disebabkan oleh desakan hidup. Mereka keluar dengan tujuan mendapatkan sumber ekonomi yang lebih. Manakala orang pendatang adalah dianggap sebagai orang luar -- terutama dari keturunan kepulauan Indonesia, terutama Sumatera. Golongan inilah yang dibeza bezakan dengan golongan penduduk asal.

(III) Sosial.

Susunan masyarakat yang terdapat didalam kampong ini terdapat tiga keluarga besar yang tinggal berkelompok. Tiap tiap kelompok mempunyai hubungan tali persaudaraan. Tetapi disebabkan oleh perubahan zaman kebanyakannya daripada kelompok kelompok ini sudah tidak begitu jelas lagi. Ini adalah disebabkan ramainya kemasukan pendatang pendatang dari luar yang tinggal didalam kampong ini, dan ramai pula orang orang di kalangan kelompok yang mempunyai tali persaudaraan telah berpindah ke luar dari kampong ini. (sila lihat jadual 2).

Jadual 2

Kampong Asal Responden

Kampong asal	Bilangan	Peratus
Kampong Kepayang	83	45.9
Sekitar bandar Ipoh	31	17.1
Negeri Perak	52	28.7
Lain lain negeri di Malaysia Barat	12	6.6
Luar Malaysia	3	1.7
 Jumlah	181	100.0

Didalam jadual diatas didapati seramai 83 orang(45.9%) adalah responden yang benar benar berasal dari Kampong Kepayang. Manakala yang lain lain pula adalah berasal daripada luar kampong ini. Yang berdekatan adalah seperti penduduk penduduk yang berasal dari sekitar bandar Ipoh seperti Tambun, Kampong Simee dan yang lain pula berasal

daripada negeri negeri lain diMalaysia Barat seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan lain lain. Terdapat juga tiga orang responden yang berasal dari luar negeri iaitu seperti Indonesia dan Singapura.

Bilangan angka angka ini menunjukkan bahawa golongan orang orang luar telah banyak berhijrah kesini (kira kira 44.1% daripada jumlah penduduk disini) jika dibandingkan dengan jumlah orang luar sebanyak 40 orang pada tahun 1972.¹

Bagi komuniti komuniti kampung ini yang berhijrah pula dapat kita lihat dalam jadual 3.

Jadual 3

Bilangan anak anak diluar kampong mengikut status mereka.

Status	Bilangan	Peratus
Berkahwin	54	34.6
Bekerja	82	52.5
Menuntut	16	10.3
Lain lain	4	2.6
Jumlah	172	100.0

Didapati bilangan bilangan mereka yang berhijrah ka tempat-tempat lain adalah disebabkan perkahwinan, bekerja, menuntut dan sebagaimana dikawasan luar dari kampong ini. Penduduk yang mendatang dan yang menyewa disini dapatlah dibezaikan dengan penduduk asli kampong ini. Disini saya hanya menggunakan konsep 'orang asal' dan 'orang luar' saja

(1) Yom Zumaimi Zainuddin:.....ibid.

bagi kedua kumpulan penduduk tersebut.

Perubahan sosial yang terdapat dikampung ini tidaklah begitu kompleks jika dibandingkan dengan perubahan sosial dikota kota besar. Tetapi oleh kerana kampong ini merupakan sebuah kampong yang terletak dipinggiran sebuah bandar besar, sedikit sebanyaknya terdapat juga mengalami perubahan perubahan. Boleh dikatakan masyarakat dikampung ini kebanyakannya adalah masyarakat yang terdiri dari golongan rendah¹ atau pun merupakan golongan bawahan. Golongan inilah yang dikatakan golongan yang paling lambat untuk menerima satu satut perubahan.

Seperti yang telah diterangkan awal tadi keturunan dari Datuk Panglima Kinta adalah merupakan penduduk asal kampong ini. Hanya keturunan dari pada Datuk Panglima ini sajalah yang dianggap penduduk yang agak tinggi status ataupun kedudokannya didalam kampong ini. Anggapan seperti ini tidak sahaja disanjung oleh penduduk yang berketurunan ini tetapi juga oleh penduduk yang dikatakan orang luar itu. Mereka paling menghormati sekali jenerasi jenerasi yang lahir dari keturunan ini. Untuk memperkuatkkan lagi tali perhubungan dikalangan mereka maka terdapatlah perkahwinan dikalangan mereka. Hingga ke hari ini ada diantara penduduk penduduk disini yang dapat menyusur galurkan keturunan mereka tetapi bilangannya adalah terhad kepada orang tua saja. Namakala boleh dikatakan jenerasi jenerasi muda dihari ini tidak dapat lagi menyusur galurkan keturunan mereka walaupun mereka tahu mereka adalah keturunan asal kampong ini. Nalah ada diantara yang tidak tahu lang-

-
- (1) Masyarakat golongan rendah dimakludkan sebagai golongan masyarakat yang berpendapatan rendah, punya taraf hidup yang rendah. Pendek kata saiz galanya adalah rendah jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Diceritakan itu innya bercorak tradisional dan terikat kepada adat istiadat.
 - (2) Husain Ali, Syed: Perubahan Masyarakat Dosa dari segi sosial.
(Text: Kerja Samaan antara PNM, 1967).

song. Ini adalah disebabkan orang orang tua disitu tidak menghiraukan lagi kedudukan mereka akibat zaman moden yang menghancorkan 'ascribed status'¹ dimana masyarakat tidak mementingkan sebarang kedudukan - yakni kesemuanya dianggap saja saja.

Bagi penduduk pendudok asal yang masih lagi mementingkan status, terutama sekali dari golongan conservative, konflik timbul akibat kemasukan pendatang pendatang dari luar. Kedudukan mereka sudah tidak diendahkan lagi. Institusi kekeluargaan adalah merupakan satu institusi yang agak penting bagi mengujudkan integrasi dikampung ini. Ini jelas dapat dibuktikan ketika hari nikah kahwin, kematian, gotong royong dan lain lain aktiviti sosial didalam kampong ini.

(IV) Ekonomi

Mengikut F.S Chapman² dari satu corak yang berpindah randah, lama kelamaan orang Melayu telah menyusun suatu sistem penghidupan yang agak stabil, sejahtera dan sederhana. Mereka tinggal dipinggir pinggir kuala dan sungai serta dilembongan lembongan rata. Kerja mereka ialah bertanam padi dan sedikit buah buahan yang mula-mula terdapat dihutan semula jadi, menangkap ikan disungai, parit parit atau laut. Padi dan ikan boleh didapati dengan kerja terok yang kurang daripada sebulan dalam setahun, sabuah raga ikan didalam sebatang sungai atau sebuah paya, sejam pada waktu senja dengan serawan jala. Beginilah keadaan Kampong Kepajang sabagaimana sistem ekonomi diperkampungan perkampungan orang Melayu pada waktu dahulu.

-
- (1) Ascribed status : Bermaksud penentuan kedudukan sesorang itu telah ditetapkan, iaitu diwarisi semenjak ia lahir kadunia. Dalam masyarakat feudal umpamanya seorang anak raja apabila lahir diberi gelaran Tengku, manakala keturunan Arab akan mendapat status Syed atau Sharifah.
 - (2) Chapman, F.S., The Jungle is neutral, London: Chatto and Windus, 1949.

Pada waktu zaman permulaan kampong ini sistem ekonomi orang-orang disini adalah berupa tenaga keluarga dan institusi ekonomi seperti sistem gotong royong. Keadaan ekonomi orang-orang disini adalah dipengarohi dan disesuaikan dengan orientasi yang bersifat kekeluargaan. Begitu juga mereka adalah merupakan pengeluar pengeluaran yang kecil saja. Dimana se-gala usaha usaha yang dijalankan adalah dengan alat-alat yang simple saja. Boleh dikatakan tradisi ini adalah merupakan "subsistence agriculture" (pertanian sara diri). Hasil hasil yang diperolehi adalah dipergunakan untuk sendirian saja dan tidak ada usaha untuk mengubah hasil hasil pengeluaran. Dengan ini sudah tentu institusi institusi pasaran tidak akan ujud didalam keadaan ekonomi saperti ini. Selalu nya hasil hasil yang dida-pati didalam tiap tiap perkampungan orang Melayu adalah saperti ha-sil hasil padi, buah buahan, berternak, nelayan dan sebagainya. Ini ber-gantonglah pada keadaan dan tempat dimana sesebuah kampong itu terletak.

Tenaga boroh adalah merupakan tenaga tenaga yang datang dari anggota anggota sasauatu keluarga. Tiap tiap satu famili mengerjakan tanah sawah umpamanya. Dengan ini bererti sisuami, isteri, anak-anak serta sau-dara mara yang rapat datang bersama-sama mengerjakan sawah untuk tanaman. Jarang sekali boroh secara upah atau beli digunakan pada waktu dulu. De-nungan itulah institusi kekeluargaan adalah merupakan yang paling penting sekali dan ia boleh dianggapkan sebagai punca integrasi didalam tiap tiap kumpulan didalam tiap tiap sebuah kampong. Malah anggota keluarga adalah merupakan "economic asset" iaitu sebagai unit consumption dan juga pro-duction.

Tetapi dihari ini corak ekonomi yang ujud adalah menunjukkan perbedaan yang begitu ketara sekali. Ini adalah kerana perubahan mengikut zaman. Bentuk ekonomi secara subsistence sudah tidak ada lagi. Tam-

bahan pula kampong ini yang terletak dipinggiran sabuh bandar Ipoh. Perubahan perubahan yang berlaku (kepesatan yang terdapat dari aspek aspek pembangunan) dibandar Ipoh sedikit sebanyaknya menimbulkan kesan yang agak nyata pada ekonomi Kampong Kepayang jika dibandingkan dengan yang dulu. Kebanyakan penduduk penduduk disini tidak lagi menggantongkan harapan semata mata pada kampong untuk mencari nafkah (sila lihat jadual 4). Mereka lebh suka untuk bekerja makan gaji walaupun dengan gaji yang murah sekalipun. Semasa kajian dijalankan ada seorang penduduk kampong mengatakan "Biarlah saya bekerja makan gaji dipekan Ipoh ni daripada bekerja dikampong, walaupun jadi kuli sekalipun saya sanggup".

Begitulah sikap mementingkan kerja makan gaji yang terjadi, dirasakan begitu menular sekali pada setiap anggota individu disetiap kampong dimana mana saja. Ini adalah akibat dari proses modernisa si yang berlaku dewasa ini. Walaupun pada hakikatnya kerja sendiri (dengan cara yang bersunggoh umpamanya dalam sektor pertanian supaya menjadi petani yang berjaya). Ini adalah selaras dengan rancangan rancangan kerajaan supaya bordikari dan tidak hanya semata tertumpu pada pekerjaan makan gaji semata mata. Sebab itulah kerajaan sekarang berikhtiar dan memberi segala kemudahan didalam tiap tiap tiap aspek ekonomi. Matlamat inilah yang menjadikan sebagai matlamat yang utama dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang baru sahaja dilancarkan oleh Datuk Hussein On, Perdana Menteri Malaysia satelah matlamat Rancangan Malaysia Kedua boleh dikatakan agak kurang berjaya, tapi masch lagi terdapat penduduk kampong yang agak conservative tidak mahu untuk berdikari. Sebaleknya pula mereka maseh suka bekerja makan gaji.

Kejudan kampong ini adalah amat berlainan sekali saperti yang terdapat didalam kampong kampong Nelayu yang lain. Contoh yang jelas

adalah seperti kajian Syed Hussin Ali¹ keatas Kampong Bagan dan kajian oleh Swift² pada Kampong Jelebu. Kedua dua kampong ini mempunyai bentuk ekonomi yang bercorak pertanian iaitu seperti bersawah padi, menanam getah dan menanam buah buahan. Pada masa dahulu kampong ini adalah merupakan ekonomi yang bercorak pertanian seperti bertani (tanam padi) dan menoreh getah.³ Tetapi sekarang perubahan yang besar berlaku pada aspek ekonomi (untuk lebih jelas lihat jadual 4). Walaupun maseh terdapat penduduk disini bekerja di kampung tetapi bilangannya adalah terlalu sedikit sekali, dari jumlah penduduk penduduk kampong ini. Jenis jenis pekerjaan baru seperti bekerja dengan kerajaan, kilang, lombong lombong dan syarikat swasta telah mengubah sistem ekonomi penduduk kampong ini. Faktor faktor utama adalah bergantong pada kelayakan, kebolahan dan kemahiran seseorang individu. Kebanyakan dari mereka yang bekerja makan gaji adalah bekerja diluar dari kampong ini terutama dibandar Ipoh dan dikawasan sekitarnya (sila lihat jadual 5). Daripada jadual 6 jika dibezakan corak ekonomi pada masa dahulu didapati kelainan yang jelas didalam kelasifikasi pekerjaan, dimana kerja kerja makan gaji begitu ramai sekali terdapat dikalangan penduduk disini.

-
- (1) Syed Hussin Ali: *Sosial Stratification in Kampong Bagan, A Study of Class, status, conflict and mobility in a rural Malay community*, Singapore, Malaysia Branch, Royal Asiatic Society 1964.
 - (2) Swift M.G.: *Malay peasant society in Jelebu*, University of London, The Athlone Press, 1965.
 - (3) Rokiah Talib: op-cit hal. 7

Jadual 4

Ciri ciri pekerjaan dan tenaga kerja di Kampong Kepayang

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
1.Kampong	26	17.3
2.Berniaga	25	16.7
3.Buruh Kasar/kontrek	15	10.0
4.Buruh Kilang	14	9.3
5.Pegawai Kerajaan	2	1.3
6.Askar	5	3.3
7.Majlis Bandaran	4	2.7
8.Pembantu Hospital	9	6.0
9.Cuci kain	12	8.0
10.Kondakter Bas	1	0.7
11.Driver	3	2.0
12.Guru Mengaji Kor'an	1	0.7
13.Operator Talipon	2	1.3
14.Penyelenggara Setor	3	2.0
15.Work Shop J.K.R.	1	0.7
16.Parking Attendant	1	0.7
17.Tukang Masak	4	2.7
18.Pegawai Keselamatan	1	0.7
19.Guru	4	2.7
20.Jaga	3	2.0
21.Tarek Beca	2	1.3
22.Panggong Wayang	1	0.7
23.Sales Girl/Man	3	2.0
24.Kerani	7	4.7
25.Jururawat	1	0.7
26.Tukang Kebun	5	3.3
27.Menjahit	2	1.3
28.Guru Silat	1	0.7
29.Budak Pejabat	3	2.0
30.Percetakan	5	3.3
31.Pengantar Saman	2	1.3
32.Pawang	1	0.7
<hr/>		
Jumlah:-	150	100.0

Jadual 5

Tumpuan kerja penduduk penduduk Kampong Kepayang

Kawasan	Bilangan	Peratus
Kampong Kepayang	29	19.4
Bandar Ipoh	75	50.0
Kawasan perumahan (Ipoh Garden, Star Park)	19	12.3
Tasek Industrial	18	12.0
Lain lain tempat	9	6.0
Jumlah	150	100.0

Jadual 6

KELASIFIKASI PEKERJAAN

Jenis kerja	Bilangan	Peratus
Kerja sendiri	38	25.3
Majlis bandaran	10	6.7
Kerajaan	30	20.0
Swasta	72	48.0
Jumlah	150	100.0

(IV) Politik

Perubahan yang berlaku didalam sistem pentadbiran kampong ini amat jelas jika dibandingkan dengan keadaan yang lalu. Jika dahulu-nya (sebelum tahun 1956) jawatan ketua kampong adalah diwarisi. Tetapi sekarang hak hak seperti itu tidak ada lagi. Jawatan itu tetap menjadi tandingan diantara orang orang yang berkebolehan bagi memimpin corak pentadbiran kampong ini. Bagitu juga jika dilihat kuasa yang ada pada Ketua Kampong itu. Pada hakikatnya kuasa Ketua Kampong pada masa dahulu adalah meliputi didalam kesemua aspek tetapi kuasa yang 'absolute' seperti itu sudah tidak ada lagi.

Apa yang diketemukan akibat dari pertukaran corak pimpinan kampong ini telah menimbulkan konflik dikalangan orang orang asal dan orang orang mendatang. Sesunggohnya pehak orang asal menganggap hak hak seperti itu telah dirampas oleh orang orang mendatang. Bagitu juga didalam corak menentukan Ketua Kampong pemilehan yang dilakukan disurau surau dengan undian angkat tangan sudah tidak terdapat lagi. Malahan apa yang dipraktikkan adalah pemilehan cara 'undi sulit'. Didalam peroses pengundian ini pula pehak pehak kampong telah dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Daerah. Camportangan dari pehak kerajaan adalah bagitu penting bagi kampong ini keselurohannya untuk berhubong dengan kerajaan negeri. Pendudok pendudok yang berumur 21 tahun keatas telah dibenar mengundi bagi menentukan pemilehan Ketua Kampong.

Sebagai kawasan 'sub urban' kampong yang mempunyai dua sub-village (lihat bab 2) hubongan diantara kedua dua sub village adalah bagitu rapat sekali. Kerana telah lama tinggal dikawasan ini mereka menganggap kampong ini sebagai entiti kampong kampong mereka sendiri. Dari itulah mereka berhak dengan sepenohnya untuk melibatkan diri didalam setiap ran-

cangan yang diadakan dikampong ini. Terutama sekali dikalangan mereka yang telah menerima pendidekan yang tinggi. Mereka berharap agar pimpinan tidak diberikan hanya kepada orang orang tertentu, kerana apa yang diperhatikan ada diantara Ketua ketua Kampong dimasa lampau yang buta huruf. Akibatnya ketua ini menjadi 'figure head' saja seolah olah seperti tunggul tidak tahu apa yang harus dilakukan bagi kemudahan kampong.

Senarai nama nama Ketua Kampong Kepayang.

1. Kulub Abdul Rais
2. Dukut
3. Kulub Husin
4. Haji Pandak Ali bin Kanda Jahid
5. Harun bin Haji Abu Bakar (Sejak 8.12.1964)

Apabila pimpinan corak parliamentary democracy dibawa masuk kakampong ini. Sesungghohnya telah merombak secara keselurohan kuasa kuasa daripada orang orang tua. Badan badan kebajikan telah ditubuhkan bagi mewakili Ketua Kampong dengan urusan urusan terutama dari pehak kerajaan. B.K.K (Badan Kebajikan Kampong) telah diadakan dan diwakili oleh individu individu tertentu apabila sasuatu mesyuarat diadakan. Manakala tugas Ketua Kampong tidak dicampor adukan dengan tugas tugas lain seperti apa yang terjadi dimasa masa lampau dimana Ketua ketua Kamponglah menjadi Ketua didalam semua hal.

Pada hakikatnya corak pimpinan bagi keselurohan kampong telah berubah sama sekali. Terutama apabila kemasukan 'parliamental democracy', beberapa perubahan segi struktur social dan nilai nilai lama telah dipersoalkan. Dan apabila kawasan ini resmidijadikan kawasan bandar oleh Majlis Bandaran tugas Ketua Kampong telah bertukar corak secara total. Bagitu juga jika dahulunya kampong ini bertanggongjawab pada

aktiviti kampong dan kerajaan negeri tapi sekarang telah bertanggong-jawab pula pada Majlis Bandaran Ipoh.

Apabila disentoh corak pimpinan negara pada keselurohannya. Kebanyakan dari mereka adalah tidak tegas dalam pendirian masing masing. Konflik timbul dikalangan mereka apabila dikatakan parti parti yang lain selain dari Umno¹ (sekarang bergabung dalam parti Barisan Nasional). Masing masing mengatakan hanya parti itu sajalah yang patut diundi didalam menentukan pimpinan. Konflik parti lain yang diadakan dikampong ini, dimana mereka memulaukan saja kempen kempen itu. Tetapi apabila kempen parti UMNO seperti yang diketahui oleh mereka sambutan adalah bagitu menggalakkan. Apa yang diperhatikan disini adalah sikap anti parti selain dari UMNO. Untuk mengukur berjaya atau tidaknya sistem demokrasi yang diadakan ini terpulanglah pada individu yang menganggotai masyarakat ini dan tidak hanya seperti pak turut saja didalam satu satuh hal.

(1) Kebanyakan dari mereka maseh tidak tahu lagi keujudan Parti Barisan Nasional. Apa yang mereka tahu adalah semata mata pada parti UMNO atau Perikatan.

SUB VILLAGE

i) Timbulnya sub village

Sebenarnya Kampong Kepayang ini dibahagikan kepada dua "sub-village" iaitu Kampong Kepayang Asal dan Kampong Kepayang Seberang (lihat peta 11). Timbulnya sub village seperti itu adalah disebabkan desakan keadaan. Oleh kerana memang menjadi tradisi bagi tiap tiap perkampungan Melayu sering berpecah pecah kabahagian yang lain (terutama disekitar kawasan permulaan). Disini mereka akan mendirikan kawasan kawasan yang baru. Tujuan mereka adalah untuk kepentingan hidup semata. Hal ini terjadi dikampong ini dimana pada perengkat permulaannya satelah ramai penduduk penduduk yang tinggal menetap diKampong Asal dan secara beransor-ansor mereka membina perkampungan perkampungan kecil disekitar kawasan. Maka muncullah Kampong Kepayang Seberang. Sebagai kampong yang lebeh muda dari Kampong Asal dengan cara perlahan keadaannya berkembang menjadi lebeh luas. Tambahan pula Kampong Seberang ini adalah lebeh dekat terlebih dipinggiran bandar Ipoh jika dibandingkan dengan Kampong Asal. Maka ramailah penduduk penduduk yang terus tinggal disini. Kebanyakannya adalah orang orang luar yang hanya menyewa dikawasan kawasan ini. Sebenarnya golongan golongan pendatang adalah merupakan golongan majoriti bagi kawasan ini (Kampong Seberang) yang mana menambahkan lagi bilangan anggota anggota Kampong Kepayang secara keselurohannya. Dengan itu ujudlah dua sub-village diKampong Kepayang ini.

ii) Faktor menceraikan.

Oleh kerana Kampong ini dibahagikan kepada dua sub village

(lihat diatas) terdapatlah perbezaan perbezaan characteristics(ciri ciri) diantara kedua dua sub village ini. Pehak Kampong Asal menganggap diri mereka adalah sebagai "inner group" dan Kampong Seberang dianggap sebagai "outer group". Oleh itu ujudlah dua kumpulan (community) dikedua dua kawasan ini. Pendudok Kampong terdiri dari pendudok pendudok jati kampong itu (kebanyakannya) walaupun terdapat pendudok pendudok luar yang menyewa dikawasan itu.

Sabuah jambatan yang terletak dipertengahan kampong ini adalah merupakan element yang penting bagi pendudok pendudok sebagai pemisah bagi kedua dua sub village ini untuk keluar masuk (iaitu ke Kampong Asal dan ke Kampong Seberang). Sebelum pembinaan titi oleh kerajaan negeri mereka terpaksa membena titi secara bergotong royong. Tetapi keadaannya amatlah uzor. Setiap kali ayer sungai naik ia hilang dibawa arus. Pemisahan kawasan ini menyebabkan kelonggaran dari segi perasaan kekitaan diantara kedua dua sub village ini.

Saperti yang telah dinyatakan outer dan inner group ini cara keselurohannya adalah merupakan dua pehak yang mana mengujudkan keadaan integrasi atau pun konflik dikalangan pendudok kampong ini jika ditinjau dari beberapa segi. Oleh kerana kadar puak "inner group"(pendudok Kampong Asal) ada lah lebeh ramai jika dibandingkan dengan puak "outer group" maka ujudlah dua corak perhubongan dikalangan mereka. Selalunya puak puak dikalangan "inner group" adalah lebeh mesra jika dibandingkan dengan perhubongan antara "outer group." Ini adalah kerana puak "outer group" merupakan golongan pendatang yang baru mendiami dikampong ini. Perasaan kekitaan yang ujud dikampong ini hanya ujud dikalangan puak "inner group" dan tidak pada "outer group". Tetapi keadaan beransor berubah sedikit demi sedikit apabila pergaulan diantara dua golongan

ini agak mesra satelah lama menetap dikampung ini. Ini dapat dilihat dalam aktiviti saperti sosial, politik, ekonomi, ugama yang diadakan disini. Mereka telah menunjukkan saling bekerja sama diantara satu dengan lain apabila sasauatu aktiviti dijalankan.

Kebanyakkan anggota anggota yang tinggal diKampong Asal adalah terdiri dari anggota anggota yang mempunyai ikatan kekeluargaan. Semangat perpaduan ujud dikalangan mereka. Mereka saling membantu dan mengambil berat terhadap interaksi sesama mereka. Dan ini mengujudkan situasi integrasi dikampung ini. Manakala Kampong Seberang pula lebeh ramai didiami oleh pendatang luar, ikatan ikatan kekeluargaan terlalu sedikit dikalangan mereka. Dengan itu menyebabkan ikatan perpaduan adalah begitu longgar. Tapi corak perhubungan "face to face" itu tetap ada. Oleh kerana puak puak pendatang ini berasal dari tempat tempat yang berlainan maka tentulah pada permulaannya agak susah untuk menyesuaikan diri dikalangan mereka. Keadaan kurangnya kemesraan dikalangan mereka adalah kerana masing masing sebok dengan tugas tugas. Saperti yang telah diperkatakan sejak awal tadi bahawa kebanyakan puak pendatang ini adalah terdiri dari penyewa penyewa yang boleh dianggap untuk tinggal sementara saja dikampung itu — satelah mendapat pekerjaan dibandar Ipoh, saperti pekerjaan pekerjaan boroh, peon, jaga, dan lain lain jawatan yang rendah. Penghuni penghuni yang menetap agak lama pula dapatlah menyesuaikan diri dengan penduduk asal. Oleh kerana sebok dengan tugas tugas masing masing iaitu sejak pagi hingga kepetang, peluang peluang bagi mereka untuk bermesra dengan lebuh rapat adalah agak longgar. Satengahnya pula ada penduduk yang tidak kenal mengenal diantara satu dengan lain. Terutamanya diantara pendatang luar dan penduduk Kampong Asal. Kebanyakkan dari mereka sukar untuk mengenali diantara satu dengan lain kecuali berjiranan. Mereka hanya

kenal muka saja tanpa mengetahui nama masing masing.

Oleh kerana Kampong Seberang adalah lebih dekat dengan kawasan pekan. Cara hidup mereka agak dipengaruhi oleh cara hidup dibandar. Kawasan inilah yang mula menerima kemudahan seperti ayer paip, letrik dan sebagainya. Bagitu juga dengan sistem perhubungan kereta kereta dapat digunakan bagi menghubung hingga kekawasan dalam sunggohpun keadaan jalan raya itu tidak begitu baik. Kereta kereta besar seperti lori tidak boleh lalu kekawasan pendalam (Kampong Asal).

iii) Faktor faktor menyatukan.

Disamping faktor faktor pemisahan terdapat juga faktor faktor integrasi yang mengujudkan perpaduan dikalangan penduduk penduduk bagi kedua dua sub village ini. Dari segi kawasan penempatan dan kedudukan rumah penduduk penduduk disini didapati faktor berjiran adalah merupakan faktor yang penting untuk mengujudkan perpaduan. Rumah rumah mereka yang berkelompok terletak sebelah menyebelah (terutama diKampong Asal) serta berhampiran pula dengan jalan besar dan halaman masing masing. Keadaan ini menyebabkan perhubungan yang mesra dan bersefahaman didalam menjalani kehidupan setiap hari. Aktiviti bertandang dan saling menziarahi antara jiran tetangga adalah merupakan hal yang kerap terjadi diwaktu-waktu petang. Terutama dikalangan kaum kaum perempuan. Oleh kerana dimasa ini masyarakat yang terluang bagi mereka. Selalunya apa yang dilakukan adalah semata mata berbual kosong atau pun bercerita tentang hal-hal kehidupan mereka sehari-hari untuk memenuhi masa lapang. Faktor kejiranan ini amat penting bagi setiap individu dikedua dua sub village ini didalam usaha untuk menyatukan mereka. Sunggohpun ada setengah daripada mereka yang tidak berkaitan langsung dari hubungan kekeluargaan tetapi mereka saling

berhubongan dengan mesra dan melakukan hubongan yang rapat sekali dengan jiran jiran mereka kerana telah lama tinggal berdekatan rumah; jika dibandingkan dengan perhubongan saudara jauh mereka.¹

Dari segi politik pula kedua dua sub village ini adalah terletak dibawah satu badan pemerentah BKK(Badan Kebajikan Kampong). Mereka mempunyai hak untuk menyuarakan sesuatu. Kebebasan bersuara ini sama-lah seperti dasar parliamentary demokrasi iaitu masing masing berhak menentukan siapakah yang layak untuk menjadi pemimpin dikalangan mereka. Ini ternyata pada tiap tiap kali pencalonan Ketua Kampong dilakukan. Pemilihan ketua ketua tidaklah ditetapkan seperti keadaan dimasa masa dahulu. Apa yang dipentingkan adalah kebolehan dan kelayakan seseorang didalam mengendalikan urusan urusan pentadbiran kampong. Malahan ada juga kaum wanita (cuma sebahagian kecil saja dari mereka yang telah menerima pendidikan tinggi) mengatakan jawatan Ketua Kampong memang layak diberikan kepada kaum wanita. Sebagai satu entiti politik kedua dua sub village ini dapat mengjudkan keadaan perpaduan dikalangan mereka.

Faktor ugama adalah memainkan peranan yang penting sebagai faktor perpaduan bagi kedua dua sub village ini. Oleh kerana ajaran Islam memang begitu sebatи dikalangan mereka, dengan ini menambahkan lagi ikatan dan perhubongan dikalangan mereka. Ini tidak dapat dinafikan kerana setiap orang Islam adalah diasoh dan diajar supaya hidup berbaik baik diantara satu dengan lain. Bahkan faktor ugama adalah merupakan faktor yang memainkan peranan untuk mengintegrasikan sesabuah masyarakat. Ini dapat dilihat didalam kampong ini dimana segala aktiviti ugama adalah mendapat sambutan yang baik bagi penduduk dikedua dua sub village ini. Dengan adanya sebuah masjid yang terletak dipertengahan kampong ini (lihat peta II) Maka dapat-

(1) J.Djamour, Malay Kinship and Marriage in Singapore, New York, Humanities Press Inc., m.s. 23 - 25.

lah aktiviti aktiviti ugama dijalankan. Upacara upacara sembahyang beramai ramai, terutama pada hari Juma'at, penduduk penduduk dari kedua tempat ini berduyun duyun datang kemasjid menunaikan sembahyang. Dengan keadaan begini akan mengujudkan lagi kemesraan dikalangan mereka. Tambahan pula ajaran Islam ada mengatakan sembahyang berjema'ah adalah lebih banyak pahalanya daripada sembahyang bersendirian. Dengan ini menguatkan lagi tekad mereka untuk datang beramai ramai kemasjid. Perlu dinyatakan bahawa sebelum masjid ini didirikan, surau surau adalah menggantikan tempat masjid masjid bagi menjalankan aktiviti aktiviti keugamaan.

Dari segi sosial pula didapati penduduk dikedua sub village ini adalah mempunyai hubongan yang mesra. Terutama pergaulan antara anak-anak muda dan orang orang tua. Walaupun terdapat konflik dikalangan mereka tetapi anak-anak muda maseh menghormati orang-orang tua. Begitu juga aktiviti aktiviti yang diadakan banyak mendapat sokongan antara satu dengan yang lain. Oleh kerana perhubongan mereka adalah begitu mesra yang berco-cok 'face to face' maka ujudlah sentimen kumpulan dikalangan mereka. Ini mengujudkan faktor integrasi. Perhubongan yang rapat dikalangan mereka, terutama jiran-jiran rapat sekali dengan mereka jika dibandingkan dengan perhubongan saudara mara yang jauh adalah lebih mesra. Oleh itu untuk mengujudkan persaudaraan dan mendapatkan pertolongan mereka terpaksa melakukan perhubongan diantara mereka. Selalunya apabila anggota sesebuah rumah tangga hendak keluar meninggalkan rumah, kepada jiranlah tempat mereka untuk menjaga seperti ternakan ternakan dan lain-lain pemilekan mereka supaya tidak berlaku kecurian. Disamping itu juga didalam majlis kenduri-kenduri kecil (misalnya kenduri berkhatan, kenduri aruah dan lain-lain) dimana orang-orang yang dijemput selain dari saudara dekat¹ ialah jiran-

jiran sebelah rumah dan selalunya saudara saudara jauh adalah tidak dijemput kecuali pada kenduri kenduri besar seperti kenduri nikah kahwin. Faktor berbaik baik dan bekerjasama didalam setiap aktiviti yang diadakan adalah benar benar mengujudkan situasi integrasi dikalangan mereka. Ini jelas seperti kata Mac Iver, "Bila manusia hidup bersama terpisah secara keselurohan atau sebahagian dari dunia luar hingga mereka terpaksa hidup berganding bahu antara satu sama lain....."¹

Disamping faktor faktor diatas kuasa autonomy juga ujud dikedua dua sub village ini. Ini dapat dilihat didalam perayaan perayaan yang diadakan berasingan bagi kedua kawasan ini. Umpamanya menyambut perayaan kemerdekaan, mereka merayakan cara cara berasingan. Keadaan ini tidaklah mengujudkan konflik dikalangan mereka kerana memang telah menjadi adat bagi mereka mengutamakan perasaan saling hormat menghormati sesama mereka.

(1) Mac Iver and Page, Masyarakat, Kuala Lumpur, DBP(terjemahan), 1970 m.s. 495.

BAB 3

TEORI TEORI KONFLIK DAN

KONFLIK DALAM KAMPONG KEPAYANG

1) Teori teori konflik.

Konsep konflik adalah merupakan tanggapan ataupun pendapat pendapat yang berlainan apabila tokoh tokoh sosiologi membincangkan dengan pertikata yang lebih luas. Tokoh tokoh seperti G.Simmel, S.Palmer, A.Linsky mempunyai pendapat yang berlainan antara satu dengan lain apabila memperkatakan konflik, khususnya tentang pengkajian mengenai deviant behaviour. Simmel mengatakan konflik adalah merupakan satu hal yang mustahak dalam masyarakat. Dengan sebab itulah ia merupakan sebagai syarat yang perlu didalam perlangsungan hidup. Konflik adalah sebagai penyelesaian akibat dengki, benci dan lain lain lagi. Umpamanya dengan ketiadaan konflik sesuatu masyarakat itu akan muncul golongan golongan penyeleweng atau lebih tepat dikatakan sebagai deviant. Ia telah menguatkan hujjahnya apabila ia mendapati kaum Hutterites yang tidak mengalami sebarang konflik. Tetapi sebaleknya pula menimbulkan mental illness. Disini konflik memainkan peranan yang penting didalam meneruskan perlangsungan hidup.

Mengikut Coser konflik adalah ".....a struggle over values and claims to scarce status, power and resources in which the aims of the opponents are to neutralise, injure or eliminate their rivals."¹

Disini didapati konflik adalah merupakan sejenis perhubungan sosial yang melibatkan sekurang kurangnya dua pihak didalam satu atau masyarakat dimana kedua duanya mempunyai kehendak atau pandangan yang bertentangan

(1) Coser, Lewis A., Functions of social conflicts, Routledge and Kegan Paul Ltd., London 1956, hal. 34.

ngan diantara satu dengan lain. Tentangan ini mungkin kerana satu satunya pihak itu merasai atau mendapati tindakan lawannya mengancam kepentingannya sendiri atau bertentangan dengan nilainya. Albion Small ada mengatakan bahawa ".....in form the social process is incessant reaction of persons prompted by interest that in part conflict with the interest of their fellows, and in part compare with the interest of others"¹. Pendapat yang dikenunkan oleh Small dan lain lain ahli kaji masyarakat adalah sama iaitu organisasi sosial masyarakat didalam keadaan konflik adalah merupakan jalinan jalinan reaksi dan interaksi anggotanya yang mempunyai kepentingan atau kehendak kehendak yang berbeza diantara satu dengan lain.

Bagi Marx, apabila mengkaji sistem sosial terdapat unsur ketegangan atau konflik jika dikaji secara lebih mendalam. Konflik timbul akibat perhubungan individu dengan individu sebagai anggota didalam satu satunya kumpulan sosial.

Saperti yang telah dinyatakan diatas tadi konflik mempunyai fungsi fungsi yang tertentu didalam sesebuah masyarakat. Coser sebagai seorang tokoh sisiologi yang banyak menghuraikan perkara perkara yang berhubungan dengan konflik terutamanya tentang fungsi fungsi konflik itu sendiri pada sesebuah masyarakat. Disamping itu ia menolak pendapat pendapat yang mengatakan bahawa konflik itu semata mata bersifat "dysfunctional" yang mana bersifat meruntuhkan (*disruptive*). Kebenaran pendapat Coser memang jelas terdapat didalam kampong ini dimana konflik mempunyai fungsi fungsi tertentu untuk mengintegrasikan penduduk penduduk supaya keadaan conformity itu ujud. Disamping konflik tetap akan ujud didalam tiap tiap masyarakat yang mana perhubungan sosial memainkan peranannya dari segi hebat atau tidak-

(1) Small, Albion W., General Sociology, University of Chicago Press, 1905 hal. 205 dalam Coser, L; A Functions of social conflict, Routledge and Kegan Paul Ltd., 1956 hal. 18.

nya dan sesungohnya konflik adalah merupakan sebahagian daripada sistem sosial. Bagitulah pendapat yang dikemukakan oleh Wilbert Moore¹ (*conflict is part of social system.*) Sesungohnya konflik akan lebih jelas kelihatan didalam masyarakat yang mengalami perubahan sosial dimana masyarakat yang berkenaan akan menghadapi order order baru dan order order lama. Selalunya order seperti inilah yang banyak kelihatan didalam kampung ini khasnya, dimana nilai nilai baru yang sentiasa bertentangan dengan nilai lama. Ini lebih jelas kita lihat satelah pemerintahan Inggeris mengubah corak sosial, pentadbiran ekonomi dan lain lain lagi satelah mereka bertapak di negara ini.

Konflik yang dikaji dalam hal ini adalah merupakan konflik yang merupakan pendapat Coser² iaitu "struggles over values", konflik yang menimbulkan deviant behaviour dan konflik kepentingan (interest), khususnya apabila ramai golongan golongan dari luar yang memasuki kampung ini. Meriton seorang lagi sarjana sosialozi melihat konflik dari segi deviant behaviour, dimana ia mengatakan anggota anggota individu yang tidak patuh pada norma norma hidup tertentu seperti adat dan nilai lama akan mengujudkan ketegangan, perselisihan dan seterusnya konflik. Bagitu juga dengan pendapat Gluckman dimana ia mengatakan "social components of conflict..... as part of social life." Baginya unsur unsur konflik memang ada dalam perhubungan sosial. Disini didapati pendapatnya ada mempunyai persamaan dengan pendapat Moore.

Mac Iver pula ada mengatakan³ "social integration is never completed..... conflict and clashes, repressions and revolts are always

(1) Moore W.E; Social Change; Prentice - Hall Inc, New Jersey, 1963

(2) Coser; ibid.

(3) Mac Iver and Page; Society; Mac Millan Co. Ltd., London, 1964.

occurring." Katanya lagi "incessant struggle of diverse and opposing interest". Konflik baginya tidak semua disebabkan oleh opposing interest saja malah kadang kadang kepentingan kepentingan yang sama juga boleh mengujukan konflik iaitu apabila beberapa cara dikemukakan dengan matlamat yang sama. Mac Iver seterusnya membezakan konflik yang bercorak secara langsung.

Mengikutnya konflik yang secara langsung¹ adalah "when individual thwart, impede, restrain or injure, or destroy one another in the effort to attain some goal". Manakala konflik yang tidak cara langsung pula² "When individual do not actually impede the effort of one another but nevertheless seek to attain some the end in ways which obstructs the attainment of the same ends by others". Konflik secara langsung(direct conflict) ia itu dimana seseorang mungkin memusnahkan orang lain yang dianggap sebagai penghalang bagi cita citanya tidak terdapat didalam kampong ini. Kebanyakan konflik yang terdapat adalah berupa terpendam saja (latent conflict).

Konflik akibat daripada nilai saperti yang dikatakan oleh Coser banyak terdapat didalam kampong ini. Perubahan perubahan yang berlaku mengakibatkan dua golongan ia itu golongan pro lama dan golongan pro baru. Disini jelas sekali kelihatan konflik diantara orang orang yang terdiri dari adat oriented dan moden oriented³ yang mana disatu pihak meningkatkan hal hal adat kepercayaan, terutamanya kepercayaan dari segi ugama dan yang berkaitan dengan adat orang orang Melayu dan disatu pihak pula memeringankan hal hal moden, akibat perubahan yang berlaku. Mengikut Syed Hussin Ali⁴ ia ada mengatakan bahawa ada nilai nilai lama yang masih tidak dapat distasi oleh unsur unsur moden yang meresap kedalam kampong.

(1) Mac Iver and Page:.....ibid.

(2) - ibid -

(3) Rokiah Talib:ibid.

(4) Syed Hussin Ali:.....ibid.

Dengan sebab itu ujudlah 'latent conflict' manakala 'overt conflict' jarang sekali berlaku. Bernard seorang tokoh sosiologi juga ada menganalisa mengenai konflik yang mempunyai pendapat yang agak sama dengan pendapat yang dikemukakan oleh Syed Hussin Ali. Bernard mengatakan "conflict arises when there are incompatible or mutually exclusive goals or aims or values, espoused by human beings". Manakala pendapat Syed Hussin Ali pula mengatakan "conflicts are caused by differences as well as contradictions in values".

Nilai merupakan perkara yang penting bagi seseorang dalam menentukan keujudan konflik. Ada pihak yang menilaikan sesuatu itu penting dan dihargai, manakala pihak yang kedua pula adalah sebaliknya. George B. Vold ada mengatakan konflik ada mengalami sosialisasi didalam proses pendewasaannya. Akibat daripada proses sosialisasi ini pula mengujudkan sikap 'ethnocentrism' dan seterusnya hasil dari 'ethnocentrism' ini mengujudkan konflik. Disini jelas menunjukkan betapa besar peranan nilai dengan keujudan konflik. Nilaian pula, benar atau tidaknya adalah berubah mengikut keadaan dan masa. Perubahan perubahan yang berlaku adalah disebabkan oleh unsur luar yang mendesaknya dan perubahan yang berlaku pada dirinya mengikut peredaran masa. Keadaan seperti ini jelas seperti yang dikatakan oleh Sorokin "Immanent theory of socio cultural change". Perubahan pasti akan berlaku kerana sifat sifat yang "potential" untuk berubah dalam 'organism' itu walaupun tidak ada faktor faktor luar yang mempengaruhinya. Disini ia menerangkan pengaruh luar adalah merupakan sebagai penggalak, mempercepat atau menghindar proses perubahan. Akibat proses dari perubahan ini menimbulkan penyesuaian antara element lama dan element baru. Tetapi dihari ini keadaan yang terdapat dikampung ini khas-

(I) Sorokin,P. Social and Cultural Dynamics; Perter - Sargent Publisher, Boston, 1957.

nya element element baru lebuh diterima, walaupun dengan secara sedar atau tidak akibat dari proses modernisasi. Ada kalanya pula nilai nilai lama menjadi usang akibat perubahan perubahan yang berlaku dengan kedatangan element element baru. Disini jelas kelihatan apabila corak politik yang ujud dikampung ini yang telah banyak menempoh perubahan dan pengaruh Ketua Kampong terutamanya telah bertukar kepada corak pentadbiran baru.

Pembahagian pembahagian mengenai nilai telah pun dikaji oleh Wahab Alwee¹. Ia telah membahagikan nilai kepada tiga bahagian.

- i) Value indoctrination
- ii) Value orientation
- iii) Value direction.

'Value indoctrination' adalah merupakan nilai yang telah diasuh kajiwा seseorang itu sejak dari kecil lagi "internalised by the individual since infancy". Manakala 'value orientation' pula adalah merupakan pandangan yang ditujukan pada anggapan yang dibenarkan atau diterima oleh orang orang sekelilingnya - dimana masyarakat dan nilai norma norma hidup adalah ditentukan dari gerak geri seseorang. Contohnya buah mulut (gossip) adalah memainkan peranan yang penting untuk masyarakat penduduk kampong membuat satu satunya tindakan. 'Value direction' adalah gerak geri seseorang itu ditentukan oleh apa apa yang diterima atau ditolak masyarakat amnya. Ketiga tiga pembahagian mengenai nilai ini adalah begitu jelas ujud didalam masyarakat kampong ini yang mana sedang atau menempoh proses perubahan dari segala segi.

Sellin, tokoh sosiologi yang terkemuka khasnya dibidang sosiologi mengenai deviant behaviour mengemukakan pendapatnya setiap orang di dunia ini dilahirkan dalam satu kebudayaan. Seterusnya ia juga ada mem-

(I) Wahab Alwee: Integration and Conflict, Kajian Ilmiah 1965.

bincangkan sebab sebab konflik ujud. Pertama, konflik ujud disebabkan oleh hasil peradaban (civilisation). Anak-anak yang lahir dikampung (bermaksud anak jati kampong) yang hidup menetap selalunya mereka ini adalah patoh pada norma dan nilai sosial kampong. Tetapi jika ia pindah kawasan bandar ia akan menghadapi satu krisis pada dirinya dimana norma-norma yang tidak dinilai oleh masyarakat luar bandar berleluasa ujud pada anak-anak muda dibandar. Sedangkan sanction tertentu tidak dikenakan padanya. Disini ia dengan sendirinya menghadapi konflik pada dirinya. Sudah tentu norma-norma dikawasan bandar lebih mudah diikutinya. Hal-hal seperti ini terbawa bawa apabila mereka kembali ke kampong. Tambahan pula Kampong Kepayang ini khasnya yang merupakan sebuah kampong pinggiran berhampiran dengan bandar Ipoh. Akibatnya berlakulah konflik antara golongan tua dan golongan muda.

Kedua, konflik juga ujud disebabkan oleh nilai-nilai dan norma masyarakat yang berbeza mengikut tempat. Manakala konflik yang ketiga adalah disebabkan hasil daripada cultural code. Disini Sellin maksudkan pertumbuhan antara dua cultural code berbasaran. Contohnya, di Malaysia budaya Melayu yang bercampur dengan budaya asing akan mengakibatkan konflik antara kedua-dua keturunan. Begitu juga konflik timbul akibat daripada legal norms berlaku ke atas masyarakat lain. Umpamanya apabila negeri dijajah terdapat legal law daripada penjajah yang tidak sesuai pada penduduk tempatan. Pada hakikatnya konflik yang dikemukakan adalah berdasarkan perubahan-perubahan yang berlaku dikalangan sesuatu masyarakat. Oleh itu tidaklah dapat ditinggalkan perubahan-perubahan khususnya perubahan sosial dalam kontek hari ini apabila mengkaji konflik.

Penjelmaan antara nilai-nilai baru dan nilai-nilai lama akibat proses perubahan akan menimbulkan pergeseran antara kedua-dua golongan itu. Dimana golongan yang pertama mempertahankan nilai-nilai yang lama dan golongan

Kedua pula sentiasa mencari pengaruh supaya nilai nilai baru itu diterima. Konflik saperti ini sering terdapat dikampong ini. Ini boleh kita lihat beripada pandangan pandangan yang didapati dari individu itu sendiri. Umpamanya jika individu itu mempunyai pandangan yang luas serta dididek dengan pelajaran yang sempurna, nilai nilai atau norma hidupnya sudah pasti berbeza dengan individu yang langsung tidak berpeluang mendapat pelajaran. Individu individu dari golongan inilah yang dinamakan golongan konservatif.

Mengikut definasi dari Encyclopaedia of Social Science mengenai konflik " conflicts may involve the defence of what one already has or the acquisition of what one has or not".^I Keadaan saperti ini juga didapati dikampong ini.

Mengenai sifat konflik pula adalah merupakan boleh jadi teratur, tidak teratur, sementara atau berpanjangan. Ini akan kita dapati apabila kepentingan kepentingan lama dan baru itu sendiri bercanggah. Umpamanya didalam kampong ini golongan pendatang telah dianggap perampas kedudukan bagi orang orang asal kampong ini. Terutama sekali golongan golongan yang konservatif yang maseh mahu mementingkan kepentingan kepentingan mereka. Percanggahan anggota dari dua kumpulan ini menyebabkan konflik dilangan mereka, terutama sekali dibidang politik, sosial dan ekonomi. Sungguhpun begitu aspek ugama tidaklah mendatangkan pergeseran. Contoh yang jelas bolehlah dikaitkan dengan golongan muda dan golongan tua. Golongan tua menganggap golongan muda sebagai tidak lagi menghormati tata susila hidup dikampong.

Konflik yang agak overt dapat dilihat dalam konflik yang ber-corak kepentinga (interest). Konflik jenis inilah yang agak ketara jika dilihat didalam proses perubahan sosial yang dialami oleh kampong ini cara

(I). Encyclopaedia of Social Science.

- 50 -

care keselurohannya. Terutama kaum kaum pendatang yang menyewa sebahagian kecil kawasan kampong ini. Konflik ini lebih khusus ditumpukan kepada penyewa penyewa yang bersifat sementara, dimana keujudan mereka menambahkan lagi fenomena fenomena konflik daripada konflik yang telah sedia ada dikampong ini. Konflik konflik yang timbul bukanlah melibatkan golongan golongan mereka tetapi juga melibatkan orang lain didalam kampong ini. Ini jelas terdapat didalam hubungan antara mereka mereka dengan orang orang lain khususnya pada pekedai pekedai, tuan tuan rumah, kejiran dan lain lain lagi. Pendek kata fenomena ini adalah merupakan fenomena baru yang tidak terlihat pada masa masa lampau. Hal ini akan diperincangkan lagi didalam bab ini seterusnya.

Sunggopun konflik konflik yang terdapat didalam kampong ini agak latent tetapi sedikit sebanyak akan menimbulkan pergeseran, dimana disatu pihak mementingkan pihak pihak tertentu sahaja. Tetapi konflik konflik ini tidaklah bercorak 'disruptive' pada keseluruhannya kadangkala ia menimbulkan integrasi dikalangan mereka.

II) Konflik dalam Kampong Kepayang.

Konflik mengikut Charles dan Marvin Herris¹ boleh ditaksirkan sebagai satu hubongan yang berlainan dengan hubongan hubongan yang biasanya menimbulkan integrasi dalam satu-satu masyarakat. Malah konflik biasanya menimbulkan keadaan perpecahan dan integrasi. Bagi Marx pula mengatakan sistem-sistem sosial adalah mengandungi berbagai-bagai elemen yang bertegangan dan mungkin menimbulkan konflik. Konflik timbul apabila ujud dua atau lebih elemen bertemu dan berinteraksi.

Dalam menguraikan konflik di Kampong Kepayang ini konflik-konflik timbul dari elemen-elemen yang bertemu dan berinteraksi didalam sistem sosial. Apa yang diketemukan bentuk-bentuk konflik yang ujud kebanyakannya bercorak latent (terpendam) dan sangat sedikit yang bercorak overt. Pada keseluruhannya mempunyai sifat-sifat yang negatif atau dysfunctional. Tidak dinafikan juga terdapat konflik yang bercorak positif tetapi apa yang dititik beratkan adalah kajian konflik yang bercorak negatif atau dysfunctional.

Perlu dikatakan keujudan konflik yang bercorak latent ini adalah disebabkan oleh faktor keugamaan yang meresepi setiap anggota masyarakat ini. Nilai-nilai seperti bersabar, menyerah sesuatu pada Tuhan dan lain-lain lagi adalah dikaitkan dengan ketuhanan. Sikap-sikap seperti ini amat mempengaruhi sistem-sosial kampong ini. Konflik interest (kepentingan juga muncul akibat ramainya kaum luar yang mendatang dikawasan kawasan ini.

Untuk penguraian selanjutnya didapati empat unsur-unsur penting sebagai pemisahan-pemisahan yang besar mengujudkan konflik. Unsur-

(1) Charles Wagley and Marvin Harris; Minorities in the new world, Columbia, London, (Ed.), Columbia University Press, 1964 hal. 257 - 258.

unsur itu adalah:-

- i) Perbezaan nilai
- ii) Adat oriented dan moden oriented
- iii) Keterunian yang berlainan.

i) Perbezaan nilai.

Selalunya apabila sesuatu keadaan berubah terdapat pertentangan diantara corak yang lama dengan corak yang baru. Hal ini terjadi didalam kampong ini yang mengakibatkan pertentangan nilai. Terutama sekali diantara golongan jenerasi muda dan golongan jenerasi tua. Dimana disatu pihak mempertahankan perubahan perubahan yang baru dan di pihak lain pula mencerca atau menghina sesuatu perubahan itu. Keadaan ini jelas kelihatan akibat unsur unsur kemodenan yang meresapi kampong ini. Terutamanya setelah negara kita mencapai kemerdekaan. Banyak usaha usaha pembangunan telah dijalankan oleh kerajaan bagi memajukan penduduk penduduk dinegeri ini. Oleh itu banyaklah rancangan rancangan yang telah disediakan bagi kemudahan rakyat. Terutamanya dikawasan kawasan perkampungan dimana kehidupan disitu ternyata bagitu mundor sekali. Ini dapat dibuktikan daripada sikap dan kehidupan mereka yang bagitu mundor. Oleh kerana negara kita agak baru juga mencapai kemerdekaan jika dibandingkan dengan negara negara lain, usaha-usaha yang pesat bagitu rancak dijalankan. Apa yang didapati di kampong ini adalah terdapat sebahagian daripada penduduk penduduk bekerja sama dengan pihak kerajaan dalam melaksanakan satu satuh projek. Manakala ada segolongan yang lain pula tidak mahu turut serta dalam projek projek seperti itu. Dengan ini terdapatlah konflik nilai diantara kedua golongan ini. Umumnya didalam perlaksanaan pembinaan jalan raya. Sebagai sebuah kampong yang berhampiran dengan bandar Ipoh, sudah tentulah kemudahan-kemudahan dari segenap aspek dapat dirasai oleh setiap individu dalam masyarakat ini.

Apa yang didapati adalah sebaliknya. Jalan raya adalah merupakan contoh yang jelas akibat dari pro dan kontra oleh penduduk penduduk disini. Keadaan jalan raya yang didapati disini tidaklah begitu baik. Jalan yang ujud hingga ke hari ini maseh merupakan jalan jalan tanah merah dimana setiap liku liku penoh dengan debu debu berterangan. Tambahan pula ketika hari hujan, jalan jalan kelihatan berkocak dengan lumpur. Keadaan saperti ini adalah merupakan akibat konflik yang didapati dikampung ini. Ada setengah setengah penduduk menyatakan tidak perlunya pada perubahan. "Bukankah kita sejak dari nenek moyang dulu lagi sudah biasa dengan keadaan keadaan ini" sampok seorang penduduk apabila ditanya pendapatnya tentang keujudan jalan raya dikampung ini. Akibat dan sikap negatif saperti ini melemahkan lagi usaha usaha kerajaan untuk membaiki keadaan kampong ini. Apabila sesuatu rancangan itu ditentang oleh sebahagian penduduk penduduk yang anti pada sikap perubahan maka rancangan rancangan itu akan tergendala bagitu sahaja. Umpamanya dalam projek pembinaan jalanraya. Kononnya dengan ada jalan jalan saperti itu kelak akan merugikan mereka. Mereka maseh sayang pada pokok pokok durian, rambutan, langsat dan pokok pokok buah buahan yang lain. Apabila pokok pokok ini ditebang nanti sudah pastilah mereka tidak dapat merasai buahnya. Mereka yakin dengan adanya pokok pokok saperti itu dapat mereka berikan buah buahan itu kepada anak dan cucu mereka. Disamping itu pula dapatlah mereka menambahkan hasil penda patan perbelanjaan harian, terutama apabila tiba musim buah.

Keadaan saperti ini maseh ujud lagi didalam kampong ini, menyebabkan konflik pertentangan nilai antara golongan tua dan muda. Dimana golongan tua mempertahankan pahaman lama tradisional dan disatu pihak pula mahukan perubahan baru. Disini jelaslah terdapat dua bentuk konflik iaitu pro moden dan pro tradisi. Golongan pro moden adalah dari golongan

jenerasi jenerasi muda yang memikirkan tentang kemajuan pada masa hadapan. Mereka lebih mementingkan jangkaan masa panjang. Manakala golongan pro-tradisi adalah golongan golongan tua yang tidak memikirkan langsung sesuai rancangan untuk masa hadapan. Mereka masih berkeadaan tidak mahu merencah apa-apa perubahan. Segala innovasi yang mendatang adalah dianggap sebagai menyekat kelincinan hidup mereka. Apa yang mereka mahukan adalah untuk mengkalkan 'status quo' masing-masing. Ini jelas terlihat seperti kata John Beattie.

"The incompatible aims may be built into contemporaneous with consequent confusion and emotional disturbances".¹

Mereka masih menunjukkan kehidupan masyarakat tradisi. Keluarga adalah menjadi esas pada aktiviti aktiviti sosial, ekonomi dan kepentingan-kepentingan individu pula menjadi perkara yang secondary. Sikap passif dan luno serta suka hidup pada cara-cara lama adalah menjadi sebatи pada diri mereka. Mereka tidak suka merenong jauh tentang nasib mereka pada masa hadapan.

Selain dari itu sesuatu projek yang dianjurkan oleh kerajaan untuk kemajuan kampong dan kemudahan kemudahan sosial. Projek-projek seperti ini mereka anggap bertujuan untuk mencerobohkan kehidupan tradisional. Setiap projek yang hendak diusahakan adalah dicurigai. Dengan sebab itulah mereka tidak bekerjasama pada setiap projek untuk kemajuan kampong. M.G Foster ada menerangkan "

"In the world today a majority of programmes of planned change are carried out through government agencies. Yet in many areas, and particularly among the lower class and rural groups, suspicious of the motives

(1) Beattie, John; Other Cultures : Aims, methods and achievement in social anthropology. Routledge and Kegan Paul Ltd., London 1964 hal. 246

of the government and its representatives is widespread. The demand of taxation and other forms of the emanate from cities have taught the villager that the less he has to do with government, the better of he will be".¹

Golongan jenerasi muda adalah golongan yang cuba memajukan keadaan kampong. Mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan dunia luar. Oleh kerana kebanyakannya daripada mereka adalah berpendidikan. Akibat dari ini perkembangan pengetahuan dan corak pemikiran mereka bertambah luas, dimana segala bentuk kemewahan dan perengkat perengkat kemajuan ditunjukkan kepada mereka dengan jelas. Umpamanya seperti perengkat perengkat kemajuan teknologi yang tinggi. Keadaan ini menimbulkan satu cita citanya bagi mereka pada pro urban atau pro kebaratan. Manakala apa yang ujud di-kampong mereka adalah bagitu berbeza sekali. Keadaan inilah yang menyebabkan mereka untuk mengubah sikap penduduk penduduk kampong yang masih mundur. Apa yang didapati adalah mengujudkan konflik antara kedua-dua nilai ini. Dengan proses perubahan sosial yang bagitu cepat dan kuat, penduduk penduduk menjadi terapong apung antara nilai lama dan nilai baru. Pertembongan hebat berlaku apabila nilai baru bergeser dengan nilai lama.

Begitu juga akibat dari peroses perubahan golongan muda masih menentang sikap membazir apabila kenduri kahwin diadakan. Ramai daripada mereka melakukan upacara perkahwinan dengan cara sederhana saja. Bagi golongan tua pula, upacara kenduri kahwin merupakan upacara sekali seumur hidup. Oleh itu perayaannya hendaklah dibuat secara besar besaran walaupun berpaksa bergolok bergadai. Konflik antara nilai nilai yang berbeza seperti ini telah agak kekurangan. Mereka sedar banyak kegunaan yang lain yang harus dilakukan terutama untuk kehidupan mereka dimasa hadapan.

Konflik nilai adakalanya menerbitkan konflik antara keluar-

(1) Foster, M.G.: op cit. (1962) hal 125.

Jan - Va -)

ga dengan keluarga. Unpama disegi perubatan, dengan kemasukan perubatan secara moden melalui perkhidmatan mobile clinic yang diadakan pada tiap-tiap minggu, perubatan cara tradisional seolah olah telah diancam dan digugat. Ramai diantara mereka yang dulunya hanya meminta ubat dari bomoh bomoh, tok payang dan sebagainya telah mula menukar haluan mereka kepada perubatan cara moden. Disini jelas ujud dua pertentangan nilai. Pada masa ini telah ramai diantara mereka yang mengunjungi rumah-rumah sakit dan adakalanya bersedia untuk tinggal dirumah sakit apabila ia diminta berbuat demikian. Begitu juga pada orang orang perempuan, jika dahulunya ketika siisteri hendak melahirkan anak mereka terpaksa memanggil bidan. Tetapi sekarang mereka ditempatkan dihospital hospital saja.

Pala keseluruhannya tidaklah mereka mereka ini mengabaikan kepercayaan kepercayaan pada kuasa ghaib. Adakalanya mereka terpaksa meminta pertolongan dari tok tok pawang untuk meminta rawatan. Mereka percaya bahawa orang orang yang tidak percaya langsung pada kuasa ghaib adalah dianggap takbor. Keadaan inilah yang menyebabkan konflik keatas diri mereka. Selalunya golongan tua adalah berfaham nilai nilai saperti ini. Sejak sejak mula mereka merasa sakit, mereka hanya menerima rawatan dari tok pawang. Apabila keadaan mereka menjadi lebeh tenat barulah orang tua itu dibawa ka hospital untuk dirawat secara saedah moden. Apa yang diketemukan bukanlah dapat menyembahkan penyakit yang dihadapi. Akibatnya ramai diantara mereka yang mati dihospital. Keadaan keadaan saperti ini lah yang menganggapkan hospital sebagai punca menyebabkan kematian.

Oleh kerana pertentangan yang diberikan adalah bagitu hebat pala golongan yang cuba untuk mengubah cara pemikiran mereka daripada sikap kuno kepada cara yang lebeh radikal. Ramai diantara mereka mereka ini yang dianggap sebagai pemecah unsur tradisional. Oleh itu golongan

yang berpendidekan yang berasal dari kampong itu lebih tertarik untuk keluar dari kampong daripada menetap dikampong itu. Dengan itu tinggallah keadaan kampong itu tanpa nahu menerima corak corak perubahan. Oleh kerana ramai bilangan mereka yang keluar dari kampong (khususnya yang telah menerima pelajaran hingga ke perengkat tinggi) timbulah kecaman kecaman dari-pada golongan golongan tua.

(ii) Adat oriented dengan moden oriented.

Masyarakat Melayu adalah mementingkan soal soal adat, sehingga-kan timbul pepatah 'biar mati anak jangan mati adat'. Ini menunjukkan betapa pentingnya adat didalam kehidupan mereka. Tiap tiap individu didalam satu kumpulan masyarakat harus mematuhi adat adat tertentu yang terdapat dalam nilai nilai adat mereka.

Adat oriented dan moden oriented yang dimaksudkan adalah nilai-nilai yang berbeza antara satu dengan yang lain. Golongan yang pertama adalah merupakan golongan yang mempertahankan tradisi tradisi lama (adat) dan golongan yang kedua pula adalah golongan yang memajukan unsur unsur baru iaitu unsur unsur kemodenan. Oleh kerana adanya elemen elemen yang sama dan ingin menduduki tempat yang sama diantara kedua dua golongan ini menimbulkan pergeseran diantara mereka.

Apabila dikaitkan antara adat dengan kehidupan masyarakat itu kita akan mendapati perkaitan yang jelas antara kedua duanya. Jika adat dan cara kehidupan masyarakat itu mundor, sudah pastilah nilai masyarakat itu kolot. Keadaan ini adalah pada anggapan orang orang yang perfahaman luas dan bersikap suka memikirkan sesuatu dengan pandangan yang luas. Tetapi tidak pada individu yang menganggotai masyarakat itu. Mereka tetap mempertahankan nilai adat menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak boleh di anggap ringan. Disinilah ujudnya nilai etnocentrism pada anggota individu

itu, iaitu apa yang mereka lakukan ada berfungsi pada masyarakatnya dan dianggap mengatasi segala galanya jika dibandingkan dengan sesuatu perkara yang lain.

Selalunya golongan adat oriented ini tinggal dikawasati pendalaman. Hal ini juga didapati didalam kampong ini. Mereka masih tinggal jauh terasing dari kelompok kelompok yang lain, dan mereka adalah terdiri dari orang orang yang sudah tua. Masyarakat memandang mereka dengan penoh hormat. Pendek kata segala hal hal yang bersangkut dengan masyarakat itu orang-orang dari golongan ini tidak dapat tidak ditiadakan. Umpamanya didalam upacara upacara kenduri, golongan golongan inilah yang selalu dijemput dan diminta untuk membaca doa. Keujudannya sangatlah penting seperti kata pepatah, golongan ini merupakan sebagai 'kuran burok'.

Faktor faktor umor, pelajaran, pengelaman adalah merupakan faktor menentukan golongan manakah sesorang itu.tergolong. Dari segi pelajaran didapati golongan adat oriented tidak mementingkan sangat. Ada diantara mereka yang tidak membenarkan anak anak mereka pergi sekolah terutamanya dikalangan anak anak perempuan. "Apa gunanya bersekolah, akhirnya kacerok dapor juga sudahnya". Begitulah kata salah saorang penduduk disini. Fahaman dan sikap mereka bagitu mundur sekali dari segi pelajaran. Apa yang diutamakan adalah sikap kerja sama dikalangan keluarga mereka. Dengan adanya anak anak dapatlah meringankan/bebanan hidup mereka. Anak lelaki adalah diharapkan supaya dapat membantu siayah dan anak perempuan pula sekurang-kurangnya dapat membantu ibu bekerja didapor -- dalam hal ini anak anak adalah merupakan:'economic asset' bagi sesuatu keluarga. Sosialisasi yang sebegini rupa adalah diharapkan oleh penduduk penduduk didalam golongan adat oriented dan sehab itulah mereka kurang menggalakkan anak anak mereka untuk terus belajar. Pada hakikatnya bukanlah semua golongan golongan ini

tidak menerima pelajaran ketika masih kecil,¹ malah ada diantara mereka yang belajar hingga darjah empat dan lima diSekolah Tembok.² Tetapi apa

JADUAL 7

Pendidekan Ketua Keluarga

Jantina	Bilangan
Suami	83
Isteri	90
Jumlah	173

(Jumlah household 100 buah)

JADUAL 8

Aliran persekolahan Ketua Keluarga

Aliran	Bilangan		Jumlah
	Suami	Isteri	
Melayu	87	81	168
Ingeris	3	2	5
Jumlah	90	83	173

(Jumlah household - 100 buah)

yang didapati pada kebanyakan mereka apabila ditanyakan tentang persekolahan, masing masing mencari beberapa dalihan supaya tidak ditanya perkara perkara itu. Ada diantaranya menjawab "kami ini semuanya bodoh, belajar sehari ponting tiga hari". Begitulah keadaan mereka. Malahan ada yang memperotes guru guru pada waktu itu "guru guru itu semuanya bodoh

(1) Sila lihat jadual 7 dan 8.

(2) Sekolah Tembok adalah merupakan satu satunya sekolah yang terdapat di kawasan ini pada waktu dulu.

sebab itu kami tidak mahu belajar bersunggoh sunggoh".

Golongan moden oriented pula adalah golongan jenerasi baru yang menerima pendidekan yang agak sempurna. (sila lihat jadual 9).

JADUAL 9

Kelulusan anak anak yang telah tamat
persekolahan

Kelulusan	Bilangan	Peratus
Darjah 6 atau lebuh	66	36.7
LCE/SRP	60	33.3
SPM/MCE	45	25.0
STP/HSC	3	1.7
Lain lain institusi pengajian tinggi.	3	1.7
Jumlah	180	100.0

(Jumlah household = 100 buah)

Pendidekan yang paling minima bagi mereka adalah ditingkatan tiga dalam sekolah Mengngah. Tumpuan atau sasaran bagi golongan ini adalah berkenaan dengan norma norma nilai hidup cara lama. Bagi mereka yang sudah mempunyai pelajaran dan pengalaman pengalaman yang luas, didapati dibandar bandar. Keadaan ini terbawa bawa ketika mereka berada dikampung. Mereka lah golongan-golongan 'reformist' bagi memajukan cara hidup baru dikampung ini. Contoh yang jelas boleh dilihat dari segi pergaulan muda mudi. Pergaulan dikalangan mereka agak begitu rapat. Tetapi sebelum ini keadaan saperti ini tidak ujud. Mereka mementingkan tata susila dan adat adat perkampongan yang begitu ketat,

terutamanya kepada anak-anak gadis. Selalunya anak-anak gadis pada waktu dulu tidak dibenarkan keluar daripada rumah. Keadaan seperti ini sudah tentu bertentangan dengan golongan moden oriented dan berlakulah pergeseran. Patahnya golongan adat oriented pada norma dan nilai sosial adalah jelas seperti kata Neumeyer M.H. "Not all adherence to the norms of the society is based on conviction, for some of it grows out of fear of penalty".¹

Keadaan ini menunjukkan betapa jelasnya golongan ini takut pada social sanction yang terdapat didalam elemen-elemen social control.

Betitu juga segi perkahwinan, golongan moden oriented menentang pandangan tentang kahwin paksa. Mereka perlu bebas mencari pasangan siapakah bakal menjadi isteri atau suaminya. Keadaan ini dapat dibuktikan pada orang-orang yang terlibat dalam hal ini, ramai diantara mereka yang dipaksa oleh pihak keluarganya mengahwini gadis pilehan ibu bapa tanpa disedari oleh anaknya. Apabila tiba masa yang ditetapkan sianak tidak mahu menerima perkahwinan itu. Keadaan ini menyebabkan keluarga sianak itu mendapat malu dan terpaksa mengganti kerugian terhadap itu. Bagi anak-anak muda ini mereka sering berkata "Kenapa kami dijodoh jodohkan. Bukan-kah kami yang hendak kahwin. Kenapa dipaksa paksakan? " Pada masa ini ramai ibu bapa yang takut untuk menjodohkan anak-anak mereka dengan sewenang wenangnya tanpa dipersetujui oleh anaknya. Keadaan seperti ini adalah sungguh berlainan pada jenerasi yang lalu. Hak ibu bapa sebagai orang tua mereka adalah jelas untuk menentukan perkahwinan anak mereka. Anak-anak tidak boleh berkahwin dengan sebarang gadis pilehan mereka. Kehilangan hak keatas hal ini begitu terasa pada golongan tua dan terjadilah konflik diantara kedua golongan ini. Tapi maseh terdapat disetengah tengah tempat

(1) Neumeyer M.H. ; Social Problems and the changing society hal. 48

Jang masch mengutamakan hak bapa terhadap perkahwinan. Ini dapat dilihat dalam kajian Swift diJelebu dan Wahab Alwi diKampong Tanjung.

Pada ketika isteri mengandong pula selalunya bidan bidan kampong adalah berhak untuk melakukan rawatan kepada mereka. Keadaan ini ujud pada satu ketika dahulu. Selalunya siisteri itu akan berjinak dengan tok tok bidan ketika hampir waktu untuk bersalin. Ia akan meminta nasehat dangetunjuk petunjuk apa yang harus dilakukan sebelum anak itu dilahirkan. Disamping itu juga tok bidan akan memoreksa seluruh tuboh siisteri. Keadaan ini menunjukkan hubongan yang erat antara pendudok pendudok kampong dengan tok bidan, malah ia adalah amat dihormati oleh masyarakat kampong pada keselurohannya. Tetapi keadaan dihari ini amat bertentangan sekali. Peranan rumah sakit telah mengambil alih fungsi tok bidan. Ini jelas kelihatan ramai dikalangan mereka yang pergi ka kelink kelink untuk mendapatkan nasehat nasehat dan rawatan. Malahan ramai diantara mereka yang sanggop tinggal dihospital untuk beberapa lama sehingga mereka selesai bersalin. Keadaan keadaan saperti ini menyebabkan kedua golongan berkonflik diantara satu dengan lain.

Golongan moden oriented adalah dianggap sebagai golongan yang mencuaikan tanggongjawab ugama oleh golongan adat oriented. Ini terbukti dari aktiviti aktiviti yang dijalankan oleh kaum kaum belia dikampong ini. Umpamanya dalam persatuan belia dikampong ini, aktiviti yang bercorak hiburan adalah lebeh banyak diadakan. Sunggoh pun aktiviti aktiviti saperti sandiwara, berlakon, menari dan sebagainya adalah untuk mengutip derma kebajikan kampong disamping untuk tabong persatuan. Aktiviti aktiviti ini tetap mendapat halangan dari goloongan adat oriented, walaupun bertujuan untuk kebajikan. Dengan itu sebarang aktiviti yang dilakukan sentiasa mendapat pertentangan terutama dari orang orang berpengaroh didalam hal hal ugama. Mereka menganggap perkara perkara saperti ini adalah sebagai maksiat

belaka. Pernah disatu masa, ketika persatuan ini hendak mengadakan sandi-wara tetapi cadangan ini terpaksa ditolak kerana terdapat bangkangan bangkangan dari golongan adat oriented. Oleh itu pehak persatuan telah cuba untuk menukar aktiviti mereka kepada aktiviti aktiviti yang bercorak keugamaan. Dengan sebab itulah munculnya kumpulan kumpulan hadrah(kompong) dan sebagainya marhaban, berzanji, membaca kuran/didalam persatuan belia dikampung ini.

Dengan ini sekurang kurangnya golongan tua turut memberikan kerjasama pada aktiviti aktiviti belia ini dan seterusnya mengujudkan perpaduan.

Perlu diingatkan konflik bukan hanya terjadi diantara dua golongan yang disebutkan tadi. Tetapi juga konflik yang timbul dari kalangan moden oriented itu sendiri. Moden oriented dibahagikan kepada dua golongan iaitu modern dan ultra modern:¹ Ultra modern adalah terdiri dari mereka mereka yang lepasan sekolah Inggeris (terutamanya yang sudah meningkat tingkatan tiga keatas). Walaupun matlamat yang ingin didapai oleh golongan modern oriented ini adalah pada cara baru tetapi mereka mempunyai darjah correlasi yang berlainan. Golongan ultra modern menganggap sesuatu aktiviti yang tidak berfaedah pada kemajuan kampong tidak sementi diadakan. Sebab itulah apabila upacara upacara yang bercorak hiboran, golongan ultra modern ini tidak memberikan kerjasama yang erat dikalangan mereka. Mereka lebih berminat pada golongan golongan yang setaraf dengannya, terutama pada mereka mereka yang berpelajaran agak tinggi. Dengan keadaan ini mereka menganggapkan ini adalah lebih berfaedah bagi mereka. Orang orang dari golongan modern menganggap mereka ini sebagai orang orang yang sombong dan tidak mahu bercampor dengan mereka. Oleh penglibatan mereka agak kerana renggang dengan golongan modern. Pergesaran berlaku dikalangan sesama

(1) Rokiah Talib:ibid.

(Mengikutnya golongan ultra modern adalah bererti lebih moden daripada apa yang dianggap moden didalam kampong itu).

meraka. Dengan sebab inilah ramai dari mereka yang berpelajaran tinggi, apabila tamat sekolah tidak menetap dikampung ini. Keadaan ini menambahkan lagi rungutan golongan moden. Ini jelas seperti kata salah seorang dari mereka "Maklumlah orang sudah sekolah tinggi, takkan layak tinggal dikampung ini". Keaddan ini menunjukkan terdapatnya ketidakaksamaan dikalangan golongan moden oriented itu sendiri walaupun matlamat mereka adalah sama iaitu pada cara hidup yang lebuh baru.

(iii) Keturunan yang berlainan.

Didalam menghuraikan konflik yang timbul akibat keturunan yang berlainan, selalunya konflik yang timbul adalah bercorak latent (terpendam). Masing masing tidak menunjukkan keadaan konflik ini secara berterangan. Apa yang diperlihatkan dan diperhatikan adalah konflik yang timbul cuma dari belakang saja. Manakala jika dilihat pada keadaan yang biasaaseolah olah tidak ada pergeseran diantara mereka sunggopun konflik ini tidak begitu 'overt' tetapi ini adalah menimbulkan 'gap'(jurang) di kalangan mereka. Saperti yang telah diperbincangkan sejak awal awal lagi kampong ini terdiri dari 'orang asal' dan 'orang datang'. Jika diperhatikan dari ssegi kawasan kedua dua puak ini membentuk satu kawasan yang khas bagi mereka. Umpamanya orang orang dari golongan asal menetap di kawasan kawasan Kampong Kepayang Asal. Manakala golongan mendatang pulak membentuk kawasan kawasan di Kampong Seberang. Apa yang jelas adalah kawasan ini memperlihatkan tidak ada kuasa sebagai pendorong untuk integrasi. Perasaan inner group tetap kuat di kalangan mereka dan membezakan golongan ini dengan outer group, terutama dari puak asal yang berketurunan dari Datuk Panglima Kinta (lihat babII). Mereka menganggap status mereka adalah lebuh tinggi dari keturunan lain yang ada dikampung itu. Keadaan saperti inilah yang menimbulkan tidak puas hati di kalangan outer group.

Pada waktu waktu dahulu mereka sering menjodohkan anak-anak mereka dengan orang-orang yang mempunyai tali persaudaraan dengan mereka. Ini menimbulkan ikatan yang kuat lagi kukuh dikalangan ini. Tetapi apa yang diperlihatkan dihari ini adalah berlainan sekali. Didapati ramai dikalangan mereka yang mengahwini orang-orang luar dari kampong asal — disebabkan tugas masing-masing yang jauh dari kampong, sungguhpun konflik tidak timbul dikalangan mereka sendiri tetapi apa yang diketemukan adalah mereka tetap memberi penilaian yang lebih tinggi kepada perkahwinan sesama kelompok. Ini dapat dilihat perkahwinan seperti itu tidak mengujudkan situasi harmoni bagi anggota kelompok itu pada keseluruhannya. Hanya terhad kepada family dan sanak saudara mempelai itu sahaja. Faktor-faktor ini adalah disebabkan salah seorang dari mempelai itu terpaksa meninggalkan kampong halaman untuk beberapa lama mengikuti suami atau isteri mereka yang tinggal di kawasan lain. Hanya pada masa-masa tertentu sahaja mereka kembali ke kampong, umumnya pada hari-hari raya atau pada hari-hari kematian atau kenduri kendara.

Oleh kerana puak mendatang yang mendiami kampong ini tinggal sejak beberapa tahun yang lalu sahaja — sejak kilang-kilang dibina disekitar kawasan Ipoh. Adalah mustahil bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan serta merta. Malahan perhubungan mereka begitu terasing dari kumpulan-kumpulan asal. Untuk menyesuaikan diri dengan kerdaan yang baru adalah memakan masa yang agak lama. Sehingga setengah setengah dari mereka yang telah tinggal beberapa tahun maseh susah dikenali, hanya mengenali nama dan muka saja. Ini menimbulkan konflik didalam diri individu itu didalam menghadapi situasi yang dihadapinya. Mereka ragu-ragu pada tuduhan yang akan diambil sama ada sesuatu tindakan yang dilakukan akan melanggar adat istiadat dan tata-susila kampong itu. Unsur-unsur seperti ini menim-

bukan konflik dan menjadi dilemma terutamanya segi adat istiadat didalam usaha mereka mencapai taraf yang tinggi didalam menghadapi situasi baru.

Konflik yang timbul dari golongan 'inner group' terhadap 'outer group' adalah dapat dimisalkan didalam contoh mas kawin (belanja tuboh). Pada kebiasaannya orang orang yang berketurunan dari Datuk Panglima Kinta adalah sebanyak \$62.50 manakala keturunan keturunan lain pula hanyalah \$40.00^I. Tetapi keadaan yang ada dihari ini adalah berlainan sekali. Oleh kerana meresap nya proses proses kemodenan kakampung ini adat adat saperti ini sudah tidak diikuti lagi. Orang orang luar telah menaikkan harga belanja tuboh ka \$62.50 ia itu sama saperti keturunan asal. Malah ada diantara mereka yang menaikkan harga melebihi harga itu. Keadaan ini menyebabkan konflik dari golongan asal terhadap golongan luar, yang mana mereka menganggap segala adat dan tata susila kampong ini telah dicabar sama sekali. Kebiasaannya golongan tualah yang merasakan paling hebat sekali. Manakala golongan muda tidak menghiraukan lagi hal hal saperti itu.

Dikalangan inner group sendiri sebenarnya dapat dibahagikan kepada dua golongannia itu 'pure inner group' dan 'sub inner group'. Apa yang diperhatikan disini adalah terhadap pembentukan kawasan yang mereka diami. Dikawasan Kampong Asal sendiri umpamanya terdapat tiga pecahan kumpulan iaitu dikawasan Hulu, Tengah da Hilir kampong ini. Tiap tiap kawasan ini didiami oleh golongan golongan yang mempunyai ikatan persaudaraan yang kuat. Sunggopun mereka berasal dari kampong itu tetapi ikatan ikatan keluargaan mereka adalah begitu jauh sekali dan ini membezakan secara totally (keselurohan) dengan golongan 'outer group'. Sunggopun mereka mengelompokkan diri ditempat tempat tertentu mereka mempunyai ikatan ikatan yang kuat dikalangan mereka dan membezakan dengan kelompok lain. Ini ternyata dari sikap, kerjasama, dan bertolak ansur dikalangan ini. Perlu diperkatakan

(I) Rokiah Talib;ibid.

golongan ini adalah akibat dari proses pendewasaan kampung, dimana sejak dulu lagi orang-orang dari kalangan 'inner group' telah berpindah keluar dari kawasan asal mereka dan mendirikan unit-unit famili disekitar yang berhampiran. Oleh kerana ramai diantara anggota itu yang berkahwin dengan orang-orang luar, maka terbentuklah golongan itu dengan sendirinya (iaitu sub inner group dalam konteks ini). Walaupun pada hakikatnya mereka tidak mengalami pergeseran dan pandangan yang rendah terhadap golongan golongan ini tetapi dasar mengutamakan golongan golongan tertentu adalah begitu kekal dikalangan mereka. Ini dapat dilihat dari pergaulan dan perbuatan mereka setiap hari. Seolah-olah mereka mengasingkan golongan mereka dengan golongan yang lain.

Dengan ujudnya golongan seperti ini maka terdapatlah konflik dikalangan mereka. Dari segi politik dan sosial umumnya, masing-masing keturunan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan jawatan kepimpinan. Konflik jenis ini dapatlah digolongkan dalam konflik kepentingan (interest) yang akan dibincangkan nanti.

Begitu juga dilihat didalam persatuan-persatuan yang ada didalam kampung ini. Golongan-golongan tertentu tetap menyanjung golongan mereka untuk memegang jawatan-jawatan tertentu. Contohnya seperti persatuan belia, kaum ibu, ahli jawatan kuasa kampung dan lain-lain lagi, sungguhpun faktor kebolehan adalah benar diharapkan bagi pemimpin untuk mengendalikan matlamat yang dikhendaki. Tetapi apa yang ditemui adalah masing-masing pihak cuba melantek individu-individu dari golongan mereka untuk memimpin teraju persatuan-persatuan tersebut.

Sungguhpun faktor konflik yang telah diterangkan itu adalah bercorak latent (terpendam) saja, mungkin jika tidak difahami cara mendalam kita akan mengakui bahawa masyarakat ini tidak mengalami konflik

secara langsung. Ini dapat dibuktikan seperti kata Simmel^I 'The absence of conflict behaviour alone cannot serve as an index of the absence of strain and hostile sentiments'.

(iv) Konflik kepentingan.

Konflik yang berlaku dari pertemuan dua atau lebih elemen bukan saja disebabkan oleh adanya kelainan dari nilai nilai, adat dan keturunan saja. Konflik juga timbul dari kepentingan kepentingan yang tertentu yang dialami oleh anggota masyarakat ini. Konflik ini boleh dipanggil sebagai konflik kepentingan. Mengikut Rokiah Talib didalam kajiannya di-kampong ini (1966) konflik kepentingan tidak terdapat pada waktu itu. Fenomena inia adalah merupakan fenomena baru didalam menghuraikan keujudan konflik dikampong ini. Ini adalah disebabkan kepentingan kepentingan yang dialami oleh anggota masyarakat ini didalam proses perubahan sosial. Dengan bertambahnya bilangan penduduk kampong dari masa kemasa maka akan bertambah pula lah corak konflik yang baru. Kemasukan pendatang pendatang yang menyewa dikawasan ini adalah begitu ramai sekali jika dibandingkan dibeberapa tahun yang lampau (sila lihat bab I).

Bermula dari keadaan fizikal kampong ini jelas didapati satu keadaan yang agak mundur sekali dari segi kemudahan dan kemajuan. Sung-goh pun ia adalah merupakan sebuah perkampungan pinggiran bandar Ipoh, te-tapi terlalu sedikit sekali perubahan yang diperolehi jika dibandingkan dengan perkampungan perkampungan lain yang terletak dikawasan kawasan bandar. Dilihat pada keadaan jalan raya yang ujud dikampong ini tidaklah begin-tu semporna . Jalan minyak tar hanya boleh didapati disebahagian kampong ini saja maitu dari jalan menghala masuk hingga kasempadan Kampong Asal. Manakala jalan yang lain adalah merupakan jalan tanah merah saja. Ini bu-

(I) Coser A ; Function of social conflict, hal. 82.

(Kata kata Simmel Terdapat dalam buku diatas)

kanlah kerana pehak jawatan kuasa kampong ini atau pun pehak kerajaan tidak berusaha untuk memajukan lagi corak perhubungan dikampong ini. Tetapi ada setengah pehak yang mementingkan diri sendiri dan tidak mementingkan orang lain. Ada setengah daripada mereka berpendapat jalan-jalan minyak tar tidaklah begitu perlu bagi mereka kerana mereka telah biasa dengan jalan-jalan seperti yang ada pada masa ini. Tambahan pula untuk membina jalan-jalan minyak tar memerlukan pengorbanan. Umpamanya banyak pokok-pokok dikehendaki supaya ditebang saja. Pengorbanan pengorbanan seperti inilah yang paling dirasai oleh penduduk disini terutamanya dari golongan tuan yang mana mereka berpendapat adalah wajib bagi mereka supaya menjaga dan mengawasi harta-harta dari nenek moyang mereka, terutamanya pokok-pokok buah-buahan didalam hal ini. Oleh kerana keengganan daripada mereka untuk bertolak ansor dengan pehak-pehak kerajaan dan pehak-pehak tertentu maka rancangan untuk memudahkan perhubungan seperti ini adalah terbaik saja. Bagitu juga didalam usaha untuk memasukan letrik dan air dikampong ini.. Pernah disuatu ketika apabila projek memasukan air ka suatu kawasan didalam kampong ini, oleh kerana saloran paip yang dikehendaki oleh penduduk yang menghendaki bekalan air ini terpaksa melalui tanah orang lain, Pada hal tuan tanah tidak memberarkan tanah-tanahnya diceroboh dengan alasan bahawa merosakkan tanamannya. Maka usaha ini gagal saja kerana orang yang menghendaki bekalan air itu tidak mampu untuk menyelorkan batang-batang paip itu ke kawasan yang lebih jauh dengan bayaran yang mahal. Jadi untuk mendapatkan bekalan bekalan seperti ini terpaksa menunggu beberapa tahun lagi sehingga orang yang dikatakan ingkar tadi telah mati.

Disamping konflik kepentingan seperti yang tersebut diatas terdapat juga konflik kepentingan yang timbul dari golongan pendatang. Ter-

ramainya golongan penyewa penyewa. Oleh kerana ramainya penyewa penyewa yang menduduki dikawasan kampung ini maka ujudlah konflik baru dikalangan mereka. Konflik ini didapati kerana ramainya golongan penyewa datang ke sini oleh kerana ramainya bilangan bilangan mereka yang berhijrah kini muncul lagi ujudlah muncul rumah rumah baru yang didirikan dikawasan ini terutama dikawasan kampung Kepayang Seberang. Apa yang diketemukan pihak pehak tuan rumah ini mengharapkan agar mereka dapat mencari wang lebih dari seorang yang diberi. Apa yang dilihat adalah kebanyakan dari penyewa penyewa ini adalah merupakan penyewa penyewa yang temporary saja. Sementara mendapat rumah rumah lain mereka terpaksa menyewa rumah rumah ini. Ada setengah dari mereka tidak menjelaskan wang sewaan rumah kepada tuan tuan rumah hingga beberapa lama. Akibatnya tuan tuan rumah mengalami konflik keatas diri mereka kerana ada diantara penyewa penyewa ini yang telah meninggalkan rumah itu tanpa pengetahuan mereka. Ada diantara mereka yang 'menggolongkan tikar bantal' diwaktu malam semata mata untuk mengelakan dari membayar wang sewaan rumah.

Begitu juga konflik yang timbul dari penyewa penyewa itu sendiri dengan penyewa yang lain dan orang orang lain. Terutamanya golongan muda disatu pihak dan golongan tua dipehak yang lain. Selalunya golongan muda ini membawa 'member member' (kawan kawan) mereka menziarahi rumah rumah itu. Seolah olah rumah itu telah dijadikan sabuah kelab bagi anak anak muda. Kemang adat bagi setiap orang muda supaya untuk bergembira disepanjang masa. Ada setengah setengahnya bermain main gitar dan yang lain pula menyanyi tanpa menghiraukan orang lain. Keadaan seperti ini akan menimbulkan konflik dikalangan mereka. Maka timbulah pertelingkahan diantara mereka - mengatakan mereka yang berjiran/golongan muda ini sebagai orang jahat, pemimum arak, penghisap dadah dan sebagainya.

Disamping itu konflik juga timbul diantara famili famili penyewa dengan penyewa yang lain. Terutamanya masaalah anak anak mereka. Apabila anak anak mereka berkelahi maka keselurohan famili itu tidak bertegor sapa. Sunggopun konflik konflik seperti itu adalah bercorak latent saja tapi kadangkala menimbulkan konflik yang overt yang menyebabkan percaduhan secara besar besaran hingga pergaduhan menggunakan alat senjata seperti kayu, parang dan lain lain. Manakala perhubungan diantara penyewa dan tuan tuan rumah, pehak tuan rumah menghendaki penyewa supaya menjagai rumah rumah itu supaya tidak didiami dengan sewenang wenang saja. Apa yang diketemukan ialah ramai diantara penyewa ini yang memeningkan diri sendiri. Ada setengahnya berpendapat "buat apa aku menjaga rumah ini bukankah aku sebagai penyewa, aku berhak untuk berbuat sesuatu yang aku suka." Kata kata seperti ini memperlihatkan seolah olah penyewa tidak menepati langsung dengan perjanjian yang dibuat dengan tuan tuan rumah. Begitu juga ada diantara rumah itu yang tidak menerima bekalan letrik dan air. Oleh kerana itu penyewa penyewa terpaksa memasokkan letrik atau mendapatkan air dari rumah lain yang berdekatan. Konflik kepentingan timbul didalam keadaan ini. Tuan tuan punya terpaksa menghadkan kadar kadar yang tertentu bagi penyewa ini didalam bayaran yang tertentu. Apa yang didapati pehak tuan rumah berasa gelisah setiap bulan kerana bayaran letrik dan air telah melambong tinggi dari bayaran yang sepatutnya. Konflik seperti ini timbul, pehak pehak tuan rumah secara latent terpaksa menghadapi sebarang kemungkinan selanjutnya. Tapi kadang kadang konflik seperti ini menjadi lebih overt lagi. Hingga mereka terpaksa memberi amaran kepada penyewa supaya tidak menggunakan bekalan bekalan itu lebih dari apa yang sepatutnya. "Jika kau tidak mahu mengikut apa kata ku, lebih baik aku potong saja bekalan ini". Demikian kata salah seorang dari tuan

bunya rumah.

Berhubung dengan kedai kedai yang didapati dikampung ini, pertumbuhan kedai kedai adalah begitu banyak sekali setelah kemasukan kaum kaum pendatang. Ini berbanding dengan kedaaan dahulu dimana didapati dua atau tiga buah kedai sahaja. Dengan adanya kedai kedai seperti ini terutamanya kedai kedai runcit dan kedai kedai kopi dapatlah penduduk penduduk kampong ini membeli barang barang keperluan harian seperti gula, beras, asam, garam dan lain lain lagi. Sunggohpun kampong ini terletak berhampiran dengan kawasan bandar Ipoh, keujudan kedai kedai ini adalah memberi pertolongan kepada penduduk. Disamping membeli belah dengan bayaran tunai, pehak tuan tuan kedai juga membenarkan setengah dari penduduk disini supaya berhutang. Keadaan inilah yang diharapkan oleh penduduk kampong apabila mereka mengalami kesudahan. Oleh kerana kemunculan kedai kedai ini adalah bertambah banyak. Masing masing pehak (tuan tuan kedai) cuba menarik perhatian pelanggan membeli dikedai kedai mereka. Konflik juga terjadi dikalangan pekedai pekedai sendiri, kononnya kedai kedai mereka adalah menawarkan harga murah dari kedai yang lain. Begitu juga kedai kedai yang lain menganggap perkara seperti itu juga. Masing masing cuba menarik perhatian pelanggan pelanggan supaya datang membeli kakdedai mereka.

Untuk menarik pelanggan ini kebanyakan kedai kedai ini membenarkan pembeli supaya berhutang dikedai mereka. Didalam hal ini konflik timbul dikalangan tuan kedai dan pembeli pembeli khasnya penyewa penyewa yang ramai datang kakampong ini. Ramai diantara pembeli pembeli ini yang meninggalkan kampong dengan tidak diketahui oleh tuan tuan kedai. Akibatnya tuan tuan kedai mengalami kerugian. Dengan sebab itulah tuan tuan kedai mengawasi (restrict) hal ini dengan lebih ketat. Kerana ada diantara kedai kedai terpaksa ditutup kerana tidak mampu menguruskannya lagi.

malahan ada tuan tuan kedai yang tidak begitu percaya dengan pembeli khasnya dari kaum pendatang yang tinggal sementara waktu saja. Konflik kepentingan seperti ini adalah berbeza dari konflik konfli yang telah disebutkan awal awal tadi. Jika konflik nilai, keterunan dan adat adalah bercorak latent tetapi konflik kepentingan adalah agak overt, hingga kala terjadi perbalahan dan pergaduhan dikalangan anggota anggota kampong ini.

Dari faktor faktor sosial dan politik juga muncul konflik bercorak kepentingan. Sunggohpun faktor faktor ini tidak memberikan apa apa kesan pada masa lalu tetapi sekarang konflik jenis ini agak jelas digerlihatkan, terutamanya setelah ramai kaum pendatang yang mendiami kawasan ini. Pada hakikatnya masing masing puak mementingkan puak puak mereka dari orang yang lain. Dari segi politik umpannya, masing masing golongan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan jawatan kepimpinan. Orang orang dari kalangan 'inner group' terutamanya golongan 'pure inner group' merasakan bahawa hak kepimpinan itu adalah tetap pada golongan mereka. Manakala golongan golongan lain pula menghantar wakil wakil mereka dengan harapan tiap tiap golongan akan menang didalam pencalunan yang diadakan. Oleh kerana peroses perubahan yang berlaku apabila melantik ketua kampong iaitu dari perlantikan cara warisan (inheritence) kepada corak "parliamental democracy" maka tiap tiap individu adalah berhak untuk memimpin anggota anggota kampong itu. Faktor faktor yang penting adalah pada kebolehan dan kesanggupan individu itu nanti didalam peroses kepimpinan kampong untuk mengujudkan suasana harmoni dan kemajuan kampong. Oleh kerana situasi situasi seperti ini adalah bersifat sementara saja, iaitu ketika pencalunan ketua kampong diadakan. Konflik konflik seperti ini tidaklah begitu ketara dikalangan mereka. Cuma golongan asal saja tidak puas hati jika golongan lain memimpin kampong ini. Sunggohpun keba-

hyakan dari mereka adalah buta huruf tetapi mereka tetap menyanjung dan mementingkan kedudukan mereka. Pada hakikatnya apa yang ujud pada hari ini adalah faktor pelajaran. Seorang yang berpendidikan dan mempunyai kebolehan adalah diharapkan bagi memimpin kampong ini. Begitu juga terjadi didalam aktiviti aktiviti sosial seperti persatuan persatuan belia, kaum ibu dan ibu bapa kampong ini. Pada hakikatnya mereka tetap mementingkan golongan mereka dari golongan lain. Didalam peroses pemilihan ketua-ketua didalam tiap tiap bahagian inilah berlakunya konflik. Tetapi konflik jenis ini adalah bercorak latent saja.

BAB 4

INTEGRASI DAN PUSAT TUMPUAN INTEGRASI DALAM KAMPONG KEPAYANG.

(I) Integrasi dalam Kampong Kepayang.

Perpaduan dan perpecahan (integrasi dan segmentasi) didalam sebuah masyarakat boleh dilihat dari segi kuasa kuasa centripetal dan kuasa centrifugal. Kuasa centripetal ialah kuasa kuasa atau tenaga tenaga yang menyatukan unit unit sosial (individu dalam kelompok masyarakat) sebagai satu fungsi yang menyeluruh (functional whole). Tenaga tenaga centripetal yang terdapat dikampong ini akan diperbincangkan dengan cara yang luas didalam bab ini nanti. Tetapi tenaga tenaga seperti ini tidak semestinya berlaku sebab tenaga tenaga sebaliknya juga berlaku iaitu tenaga centrifugal. Centrifugal ialah kuasa kuasa yang memecahkan unit unit sosial — konflik dalam hal ini.

Integrasi adalah penting dalam satu satut masyarakat. Kejayaan dalam sebuah masyarakat terletak ditangan individu individu yang menganggotai sebuah masyarakat itu. Faktor integrasi mengujudkan semangat bekerjasama diantra satu dengan yang lain. Semangat perpaduan haruslah dipupuk didalam satu satut masyarakat untuk mengujudkan kemajuan dan perpaduan. Masyarakat manusia adalah terdiri dari bilangan anggota individu yang termasuk didalam kelompok ini. Manusia tidak dapat hidup berseorangan. Mereka memerlukan orang lain. Malah tanpa orang lain tentu individu akan merasai kekurangan pada dirinya. Apabila ujud sacabuah masyarakat, ini bermakna anggota anggotanya adalah berinteraksi diantara satu dengan yang lain; menjalinkan ikatan ikatan yang dipersetujui oleh masyarakat itu. Sesuatu penye-

lewengan adalah merupakan sanction (hukuman) dari pada masyarakat itu. Kerana itulah sikap individu cuba mengelakan diri dari sesuatu yang menyeleweng, yang tidak diterima oleh norma dan nilai masyarakat itu. Interaksi dikalangan individu individu ini mengujudkan keadaan integrasi dan konflik. Lazimnya kedua dua keadaan ini adalah saling melengkap, iaitu konflik sebagai faktor memecahkan dan integrasi pula bertindak sebagai faktor perpaduan dikalangan masyarakat itu. Satu keadaan yang seimbang perlulah dibentuk diantara kedua dua kuasa ini. Sekiranya kuasa 'centrifugal' terlampaui kuat pengarohnya kemungkinan masyarakat itu akan mengalami kegagalan dan menyebabkan kerobohan masyarakat kerana kuasa tarekan yang begitu kuat. Disebaliknya pula jika kuasa 'centripetal' kuat mempengarohi masyarakat itu, sudah tentu suasana harmoni, aman akan ujud didalam masyarakat. Inilah satu keadaan yang diidam idamkan oleh sesabuah masyarakat. Apakah ini boleh berlaku? Jawabannya tentulah retatif. Terpulanglah pada individu individu yang menganggotainya untuk tujuan ini.

Oleh masyarakat tidak akan dapat memisahkan diri dari konflik, kedua dua tenaga ini adalah merupakan dua fenoména sosial yang berjalan seiringan. Terutama didalam perubahan perubahan yang berlaku khususnya dalam konteks perubahan sosial. Percanggahan pendapat diantara satu golongan tidak akan dapat dielakan, iaitu pendapat pendapat mereka saling bertentangan untuk meyakinkan sesuatu kebenaran yang dikemukakan. Walau bagaimanapun situasi konflik dapat mengujudkan perpaduan disetengah setengah keadaan; tidak semestinya ia merupakan bersifat memecahkan semata mata. Inilah yang dikatakan 'perpecahan untuk perpaduan'.

Sungguhpun kedua dua tenaga ini ujud didalam tiap tiap masyarakat, terdapat cara cara atau 'mechanism' yang boleh menahani konflik konflik yang boleh meruntuhkan sesuatu masyarakat seperti kata Geertz "there are

social mechanisms which tend to prevent value conflict from having disruptive effects.¹" Mechanisms mechanism yang terdapat didalam kampung ini terdapatlah faktor faktor seperti kawasan (locality), kekeluargaan, tanah pusaka, persatuan dan institusi formal, kebudayaan, kepercayaan, ugama dan lain lain lagi.

(i) Kawasan.

Faktor kawasan adalah salah satu faktor integrasi yang ujud dikampung ini. Seperti yang dilihat penduduk penduduk yang dianggarkan 1240 orang adalah mendiami didalam satu kawasan yang sama, walaupun terdapat dua sub village dikampung ini. Dilihat dari segi penempatan rumah rumah mereka didapati kelompok rumah rumah adalah bercorak 'linear'. Jarak diantara rumah adalah rapat sekali. Malahan terdapat rumah rumah yang mempunyai halaman yang bertentangan. Manakala dilihat pula rumah rumah ini terletak berhampiran dengan jalan raya untuk kemudahan penduduk berulang alik keluar dari kampung. Tidak dinafikan juga terdapat rumah rumah yang agak terpencil terutama dikaki kaki gunung, tetapi jumlahnya tidaklah banyak. Disini didapati keadaan ini mengujudkan perhubungan yang mesra dikalangan anggota anggota kampung ini. Corak perhubungan 'face to face' begini akan mengujudkan perasaan kekitaan (we feeling) dikalangan mereka sebagai entiti kampung.

Faktor faktor kejiranan seperti ini adalah menjadi teradisi bagi orang orang Melayu khasnya anggota kampung ini. Ini dapat dilihat dari hubungan hubungan yang terjalin dikalangan mereka. Jika ditinjau pada keadaan masa lampau persamaan yang terdapat didalam kampung ini disegi mata pencarian (kerja kerja kampung) adalah nyata, bukan sahaja tinggal di kawasan yang sama tetapi juga mempunyai mata pencarian yang bercorak lama —

(1) Geertz C.; The religion of Java. Free Press of Glence, London 1961
hal. 355

kebanyakannya menoreh getah, bercucok tanam dan lain lain pekerjaan yang bercorak kekampongan. Keadaan ini menyebabkan satu keadaan yang mesra ter-jalin dikalangan mereka. Sunggohpun mata pencarian mereka pada hari ini adalah berlainan dari dulu¹ tetapi keadaan ini tidak mengubahkan perhubungan diantara mereka. Malahan ikatan ikatan perpaduan dan perhubungan adalah begitu erat. Dengan ujudnya kejiranan kejiranan yang rapat, dapat dilihat aktiviti aktiviti lain yang dipraktikan oleh mereka adalah bercorak 'semangat kekampongan'. Aktiviti bertandang umpamanya, iaitu saling menziarahi antara jiran tetangga dan seluroh jiran jiran dikampung ini diadakan dimasa masa lapang (biasanya pada waktu petang) mengeratkan perhubungan dikalangan mereka.

Oleh kerana kebanyakkan dari mereka adalah penduduk penduduk asal (terutama diKampong Asal) yang telah membina keluarga disini jika dibandingkan dengan orang orang luar (terutamanya diKampong Seberang). Ikatan-ikatan yang terjalin adalah begitu mesra sunggohpun terdapat kaum pendatang yang monetap disini. Akibat proses penyesuaian yang dialami oleh mereka adalah benar benar menyamai penduduk penduduk asal diri mereka sebagai orang Kampong Kepayang dan membezakan dari anggota anggota kampong lainnya. Keadaan perhubungan yang beginilah mengujudkan kelompok 'inner group'.

Sunggohpun corak pekerjaan mereka adalah bercorak 'heterogenous'², tetapi ciri ciri yang didapati pada keselurohannya adalah sama saja. Kebanyakkan dari mereka yang mendiami kawasan ini adalah pekerja pekerja kelas bawahan. Ini dapat dilihat dengan jelas pada golongan golongan penda-tang (Kampong Sebrang), ketidak mampuan mereka untuk tinggal dikawasan

- (1) Terdapat juga kajian kajian yang telah dilakukan dikawasan yang mempunyai ciri ciri yang pada keselurohannya adalah sama. (Keadaan ini adalah berlainan didalam kajian ini). Umpamanya kajian dirancangan FELDA; konflik dan integrasi diLKTP, Lasah, Sungai Siput (Utara), Perak.
- (2) Sila lihat jadual 4.

yang benar mempunyai 'collective conscience'. Hinggakan orang orang yang tidak ada ikatan persaudaraan juga diambil berat, terutamanya jiran jiran sebelah rumah. Memang telah menjadi dasar bagi orang Melayu bersifat demikian, hingga pepatah ada mengatakan 'ringan sama dijinjing berat sama dipikul'. Keadaan seperti ini tidaklah terdapat dikalangan penduduk penduduk bandar, dimana ciri ciri individualistik mempengarohi hidup mereka. Asas kehidupan mereka lebh dikenali dengan sikap "lu lu, gua gua," Sehinggakan disetengah keadaan ada didapati seorang jiran yang mati disebelah rumah tidak diketahui oleh jiran sebelahnya. Kontradiksi diantara dua kumpulan ini jelas sekali dalam penghidupan mereka.

Faktor keluarga adalah penting bagi mengujudkan keadaan integrasi dikampung ini. Menurut J. H. Steward¹ dalam masyarakat tradisional individu individu sama ada tidak mengeluarkan suatu kelebihan atau tidak dibenarkan untuk menyimpan kelebihan secara mencukupi bagi dilaborkan semula di dalam cara cara pengeluaran atau untuk menggunakan sedemikian rupa, hinggaabbleh mengubah pola pola perlakuan lazimnya.

Disini didapati satu prinsip yang melibatkan konsep kesamarataan (egalitarian) pada seseorang individu dengan anggota kelompok keluarganya, iaitu jangan ada yang terlalu kaya dan makmor dan yang lain terlalu miskin dan papa. Walaupun pada hakikatnya implikasi yang didapati adalah individu dalam masyarakat tradisional sering terkongkong dan terpengaroh oleh struktur dan budaya masyarakatnya. Jika dilihat betul betul konsep ini keadaan yang ujud dimasyarakat tradisional adalah terikut dengan sendirinya dalam fabasan ini. Ini jelas didapati bahawa konsep bantu membantu dan bekerjasama adalah penting bagi mereka, terutama yang mempunyai ikatan tali persaudaraan.

(1) J.H. Steward; *Contemporary Change in traditional societies*. Vol. 1 Illinois University of Illinois Press 1967 hal. 9.

Hakikat ini agak berlainan sedikit jika diperhatikan dengan keadaan dihari ini, terutamanya didalam bidang ekonomi. Peranan keluarga tidak begitu dipentingkan lagi. Dalam masyarakat sabelum ini didapati keadaan yang ujud iaitu tiap tiap anggota individu didalam satu famili adalah merupakan satu unit ekonomi. Anggota anggota ini bekerjasama dalam mengeluarkan bahan bahan pengeluaran dan juga menggunakan dengan lain perkataan keluarga ialah sebagai 'producing and consuming units'¹. Seorang petani umpamanya keluarga dan saudara maranya dapat diambil misalan, mereka bekerja menanam dan juga kemudiannya menggunakan untuk keperluan mereka sendiri. Keadaan ini amat berlainan jika dibandingkan dihari ini. Sifat tolong menolong sudah tidak ujud lagi. Umpamanya seorang yang mempunyai kebun getah yang agak luas, jika ia memerlukan pertolongan daripada saudara saudaranya, tenaga yang diusahakannya adalah dibayar dengan upah. Faktor kewangan telah mempengarohi hidup mereka.

Sistem keluarga besar dan perhubungan kekeluargaan yang terdapat dikampung ini telah melahirkan sistem sosial yang bercorak mesra, persemukaan, rapat dan kekitaan yang kuat. Sunggopun ramai diantara ahli ahli anggota keluarga besar ini agak ramai yang meninggalkan kampong oleh kerana tugas masing masing,umpamanya negi pekerjaan, pelajaran (bagi anak-anak yang maseh bersekolah). Ikatan ikatan kekeluargaan mereka adalah rapat sekali. Apabila tiba hari raya umpamanya, masing masing balek kakampong untuk bertemu dan bercerita tentang hal masing masing yang jauh diperantauan. Keadaan saperti ini adalah sesuatu yang dikehendaki oleh mereka. Mereka akan rasa senang hati menemui orang orang tua, sahabat handai dikampung. Keadaan yang mesra ini dapat dilihat, umpamanya jika seorang yang baru balek kakampong, lantas penduduk bertanyakan khabar dan bersalam salaman

(1) Anggota anggota yang dimaksudkan adalah pada anggota yang melakukan pekerjaan dibidang pertanian yang terdapat dikampung ini pada zaman dahulu.

diantara mereka.

Begitu juga dihari hari yang lain, ikatan kekeluargaan adalah begitu erat sekali. Umpamanya didalam hal hal kenduri kecil dan kenduri besar. Didalam kenduri kecil selalunya saudara saudara rapat dari kawasan yang sama adalah dijemput disamping jiran jiran yang berdekatan. Manakala kenduri besar pula seperti kenduri kahwin semua keluarga jauh dan dekat adalah diharapkan supaya datang untuk merayakan hari itu. Ikatan kekeluargaan juga penting bagi mereka. Sifat bantu membantu juga dapat dilihat ketika tiba bulan puasa. Pada kebiasaannya saudara dan jiran jiran rapat sering bertukar tukar jamuan (selalunya bubor dankkueh mueh).

(iii) Tanah Pusaka.

Tanah pusaka adalah merupakan satu 'sacred' oleh tiap tiap anggota didalam satu komuniti kampong. Harta peninggalan orang tua mereka adalah merupakan satu bentuk 'keselamatan' yang dianugerahkan oleh orang tua kepada anak cucu mereka. Didapati ramai diantara orang orang tua yang terdahulu berlumba lumba bermatian untuk mencari harta. Mereka bekerja siang malam mencari rezeki dan mengumpulkan sedikit harta. Selalunya kekayaan mereka dilaborkan pada tanah. Seseorang yang banyak mempunyai tanah adalah dianggap sebagai telah mengujudkan keselamatan anak anak dicu mereka kelak. Tanah tanah ini akan dibahagi bahagikan kepada anak anak supaya mereka tidak hidup merempat nanti. Keujudan tanah tanah yang didapati dikampung ini pada keseluruhannya adalah dari pusaka nenek moyang mereka. Oleh itu setiap anggota individu bertanggongjawab penoh keatas tanah yang telah diberikan kepadanya. Adalah agak tidak baik jika seseorang itu mengabaikan tanah yang dipusakai itu. Redfield¹ ada mengatakan dalam

(1) Redfield B. ; Peasant society and culture, University of Chicago Press, Chicago 1956.

definisi 'peasant' dengan tanah kepunyaannya; sesorang yang mensia siakan pusaka dijangka akan ditimpa bala yang datang dari kuasa ghaib nenek moyang itu. Didapati faktor tanah adalah merupakan sentimen yang boleh mengujudkan faktor integrasi.

Adalah menjadi sifat bagi anggota kampong ini sukar untuk tinggal dikawasan tanah tanah pusaka. Terutamanya dikalangan orang tua. Pendek kata keselurohan hidup mereka adalah hidup semata mata dikawasan tanah pusaka ini. Faktor ini juga mengakibatkan konflik terutama di dalam jenerasi muda, tetapi keadaannya tidaklah begitu ketara. Oleh kerana banyak perubahan perubahan yang berlaku terutama dari segi ekonomi, sosial, pelajaran dan lain lain lagi ramai anak muda yang berhijrah keluar dari kampong. Konflik seperti ini tidaklah menjadikan bagi mereka untuk balik kekampong. Pada kebiasaannya tanah tanah pusaka ini adalah dipenuhi dengan kebun buah buahan yang beraneka jenis. Mereka tidak menanam buah buahan yang sajenis saja. Jelas kita lihat banyak pokok buah buahan seperti manggis, langsat, durian, rambutan dan lain lain yang ditanam secara berdikit dikit — terdapat pokok langsat dua pokok, rambutan tiga pokok, manggis lima pokok, durian empat pokok. Begitulah keadaan kebanyakan kebun yang dippunyai oleh penduduk penduduk disini, dimana mereka tidak mempunyai specialisasi dalam penanaman. Oleh kerana terdapat buah buahan tinggi yang diluar akan saperti ini ramai diantara anggota keluarga yang tinggal diluar akan kembali kekampong apabila tiba musim buah. Untuk menikmati buah buahan seperti ini mereka terpaksa membeli bagi mereka yang berjauhan. Oleh kerana mereka begitu kepingin untuk menikmati buah buahan ini, mereka terpaksa kembali kakampong dimana mereka akan merasa lebih puas lagi. Keadaan ini menimbulkan keadaan perpaduan diantara mereka dan keluarga dikampong. Sunggohhpun mereka yang bertugas diluar dari kampong ini

mempunyai kedudukan yang agak stabil, ada diantara mereka yang membawa orang-orang tua mereka tinggal bersama sam mereka --- tetapi orang orang tua ini tidak akan berasa senang tinggal berjauhan dari kampong halaman. Semangat kekampongan itu tetap ujud disanubari mereka. Dengan sebab ini apabila mereka berasa sakit mereka akan meminta supaya mereka dihantar kembali kekampong untuk dirawat. Mereka akan berasa senang jika berada dikampong. Malah mereka juga selalu berpendapat saperti kata salah seorang tua yang tua yang pernah meninggalkan kampong ini beberapa lama "Kami telah dilahirkan diperbesarkan dikampong ini, dengan itu hidup mati kami adalah semata mata pada kampong ini. Ini seolah olah menunjukkan bahawa mereka lebuh suka tinggal dikampong, Apabila mereka meninggal kelak, sekurang kurang nya dapatlah sanak saudara mereka menguruskan kematian. Begitu juga dengan isteri isteri yang sedang hamil. Apabila tiba saat isteri untuk melahirkan anak, sisuami selalunya menghantar isteri isteri mereka tinggal dikampong untuk menantikan kelahiran bayi itu. Dikawasan kawasan pekan mereka tidak akan mendapat pertolongan, umpamanya apabila siisteri itu berasa lega sedikit. Sunggopun rawatan doktor diutamakan tetapi rawatan rawatan yang beroorak tradisional tidak kakan hilang dari kepercayaan mereka. Biasanya mengikut perubahan sosial golongan golongan ini lebuh kerap untuk melahirkan anak dihospital. Keadaan ini tidaklah mengujudkan konflik, malah keadaan yang mesra terjalin dikalangan mereka.

Begitu juga orang orang yang telah bersara mereka lebuh suka tinggal dikampong. Ini bukanlah bermakna bahawa mereka tidak mampu mendiami kawasan kawasan bandar tetapi mereka lebuh senang tinggal dikampong. Keadaan yang sunyi, aman dan tenteram adalah menjadi faktor pendorong bagi mereka untuk mendirikan rumah didalam kampong. Malahan ada serong bagi mereka untuk menggalakan anak-anak mereka supaya mem tengah setengah daripada mereka menggalakan anak-anak mereka supaya mem-

bena rumah rumah didalam kampong ini. Bagi mereka mereka yang tidak mampu pula mereka lebih senang mendiami pondok pondok kecil yang terletak ditanah tanah pusaka daripada tinggal di tempat tempat lain.

Pada keseluruhannya kita dapati nilai yang diberi setiap anggota sosial kampong ini adalah begitu kuat sekali pada perkampungan mereka. Mereka menganggap orang orang yang tidak mempunyai kampong halaman adalah diapandang hina. Sentimen sentimen seperti inilah yang mendorong ahli ahli keluarga yang tiendiami kawasan kawasan yang lebih jauh untuk kembali ke kampong -- biarpun setahun sekali.

(iv) Pertubuhan pertubuhan dan institusi.

Peranan persatuan persatuan dan institusi institusi formal adalah merupakan sebagai 'integrative element' untuk mengujudkan semangat perpaduan dikalangan penduduk disini. Fungsi yang terdapat dari setiap persatuan bukan sahaja merupakan unsur integrasi tetapi juga sebagai fungsi untuk melatah ahli kampong mengasah bakat dalam pimpinan pentadbiran, dan juga segi kemajuan kampong. Contoh contoh pertubuhan yang didapati dalam kampong ini adalah seperti berikut:-

1. Persatuan Belia.
2. Persatuan Wanita. (kaum ibu)
3. Persatuan ibu bapa.
4. Jawatan kuasa kampong.
5. Persatuan Khairat Kematian.
6. Persatuan Seni Silat dan lain lain.

Peranan dan tugas persatuan persatuan ini dapatlah ditegaskan seperti:-

- a) Bahagian belia -- menguruskan hal hal belia seperti bergotong royong, sukan dan kesenian.

- b) Bahagian Wanita — menguruskan hal hal wanita, contohnya kelas urusan rumah tangga, kelas jahitan dan masak memasak.
- c) Bahagian Jawatan Kuasa Kemajuan Kampong — membincangkan hal hal untuk memajukan kampong serta masaalah masaalah yang dihadapi oleh mereka(termasuk juga dalam gulongan persatuan ibu bapa).
- d) Khairat Kematian — gotong royong dimasa kematian, pembersehan kubor dan lain lain lagi.

Pada keselurohannya semua pertubuhan pertubuhan ini adalah menjadi pusat tumpuan penduduk penduduk kampong dimana mereka bercampor gaul, bermesra dan bekerjasama. Melalui proses proses perjumpaan, interaksi se-sama mereka, secara tidak langsung telah dapat mengeratkan lagi perhubungan dan semangat integrasi dikalangan mereka yang tinggal didalam satu kawasan penempatan yang sama.

(v) Kebudayaan, Kepercayaan dan Ugama.

Ketiga tiga faktor ini adalah penting sebagai 'integrative elements' bagi menyatukan padukan penduduk penduduk Kampong Kepayang ini. Pada keselurohannya penduduk penduduk disini adalah dari orang orang Melayu yang mana mempunyai corak kebudayaan, kepercayaan dan ugama yang sama. Persamaan persamaan yang terdapat adalah penting dalam mengujudkan perpaduan dikalangan mereka. Islam sebagai ugama yang dianuti oleh mereka adalah punca punca pendorong kearah integrasi. Seperti ugama dan yang lain peranan ugama adalah untuk menyuroh pengikut pengikutnya berbuat baik diantara satu dengan lain dan melarang pengikut pengikutnya melakukan perbuatan perbuatan yang jahat. Ugama dan masyarakat adalah erat hubungannya didalam ikatan se-sama anggota masyarakat. Raymond Firth ada mengatakan "Religion is a great driving force in human act both individual and society. It gives occasions for elaborated institutional assemblies and sanction for a wide range

of conduct".¹ Jelas diperlihatkan bahawa ugama adalah menjadi 'social control' (kawalan sosial) dalam tindak tanduk individu melalui sanction sanction yang tertentu.

Adalah menjadi kebiasaan bagi orang Melayu suka bekerja sama didalam sesuatu hal. Keadaan ini terdapat dalam gotong royong yang merupakan kerja tanpa upah. Dalam adat istiadat seperti kenduri kendara umpamanya semangat bekerja sama ujud dikalangan mereka. Seseorang individu secara amnya adalah berhubungan rapat dengan individu lain, terutama pada saudara mala dan jiran jiran rapat. Dimajlis majlis seperti ini dapatlah orang orang ini nanti memberikan kerja sama bagi menjayakan upacara kenduri itu. Umpamanya didalam kenduri kahwin adalah diharapkan bagi tiap tiap kenduri yang mengadakan kenduri ini supaya mendapat sokongan dari orang ramai. Kemeriahinan sesuatu majlis kenduri itu adalah dikira dari jumlah ramai orang yang datang. Semakin ramai orang yang datang semakin meriahlah kenduri yang diadakan itu. Didalam kenduri nikah kahwin, orang ramai ada yang datang. Bagi menjayakan sesuatu majlis perkahwinan tidak begitu mudah, ia adalah memerlukan tenaga yang banyak. Pekerjaan yang dianggap remeh ini dapat diatasi oleh mereka dengan ikatan ikatan yang diperlihatkan orang orang kampong bagi menjayakan lagi upacara itu. Badan badan persatuan yang ada dikampong ini dengan cara suka rela membantu fajili didalam menjayakan majlis ini. Umpamanya persatuan belia menghantar wakilnya untuk menolong kerja kerja seperti mengangkat hidang, mangangkat air, membasoh pinggan mangkok. Manakala kaum kaum bapa pula seminggu sebelum diadakan majlis ini bergotong royong mendirikan bangsal bangsal disamping tugas mereka untuk memasak. Kaum ibu pula sebok dengan persiapan persiapan seperti menyediakan pelamin, menghiasakan bilek dan lain lain lagi. Tugas-

(1) Raymond Firth; Elements of social organisation, London, C.A., Walte and Company Ltd., 1961 hal 221

tugas seperti ini adalah diharapkan oleh setiap kaum family yang mengadakan majlis kenduri kahwin. Pekerjaan tanpa upah ini adalah begitu dijiwai oleh setiap anggota masyarakat kampong ini. Begitu juga dengan majlis kenduri kenduri kecil yang lain seperti kenduri berkhatan, mencukur anak, berkhatakan koran dan lain lain. Dengan adanya sokongan dan interaksi mereka didalam majlis seperti ini dapatlah mengujudkan sikap bertolong tolongan kearah perpaduan kampong, disamping mengekalkan adat istiadat mereka sebagai orang Kampong Kepayang.

Adalah menjadi dasar bagi setiap individu yang menganuti ugama Islam sebagai teras penghidupan mereka untuk hidup bekerjasama kearah perpaduan baik didunia atau pun diakhirat. Apa yang dilihat dengan jelas kampong ini ialah ciri ciri kesaragaman (homogenous) dari segi ugama, kebudayaan dan bangsa yang sama. Corak keseragaman ini akan mengeratkan lagi ikatan mereka. Disamping meggujudkan sikap toleransi dan bekerja sama dikalangan mereka, Islam juga menggalakkan perpaduan sesama umatnya (orang-orang luar dalam kontek ini). Walaupun orang orang yang bukan berugama Islam Fungsi ugama sebagai daya integrasi adalah jelas kerana dasar dasar Islam sendiri menyata bahawa orang orang Islam itu adalah bersaudara!

Sifat bekerjasama ini dapat kita lihat didalam aktiviti aktiviti ugama yang diadakan dikampong ini. Sesunggohnya aktiviti aktiviti aktiviti saperti ini adalah lebih mendapat sokongan dari aktiviti aktiviti lain saperti social dan kemajuan kampong. Pada tiap tiap hari Juma'at umpannya seluruh penduduk ~~penduduk~~ pergi beransur ramai ka mesjid. Perjumpaan beramai ramai sekali seminggu saperti ini adalah begitu berfaedah bagi mereka. Disamping mengerjakan suruhan suruhan Tuhan, keadaan ini menyebabkan hubungan yang mesra diantara mereka. Selain dari sembahyang Jumaat, setengah setengah mereka turut juga menunaikan sembahyang lima waktu dimesjid ini, daripada mereka

terutama waktu sembahyang maghrib dan isyak. Pola pola yang diperlihatkan seperti ini merupakan satu kebiasaan bagi mereka dan menjadi norma yang mesti dijalankan walau hanya sebilangan dari mereka yang terlibat mengerjakannya. Sesungohnya ini memberikan satu sentimen yang kukuh terhadap pegangan ugama dan akibatkan ikatan berbaik baik disamping mengekalkan nilai nilai sosial.

Selain daripada itu terdapat sambutan sambutan ugama yang diadakan pada tiap tiap tahun. Sambutan sambutan seperti ini dikelolakan oleh Jawatan kuasa ugama badan kebajikan kampung. Aktiviti ini adalah mendapat persetujuan dari orang ramai. Majlis atau aktiviti aktiviti ini adalah dijalankan mengikut peristiwa ugama disepanjang tahun. Kehadiran dimajlis-majlis seperti ini adalah secara sukarela dan tidak dipaksakan, sesungohnya orang orang kampung mematchi acara acara seperti itu kerana mereka menganggap adalah kewajipan mereka sebagai seorang Islam mengerjakan segala suruhan Tuhan. "Sesungohnya Tuhan itu maha kaya kebajikan tetap memberi ganjaran walaupun sekadar yang paling kecil." Begitulah pegangan mereka kepada Tuhan yang menjawai sanubari setiap individu kampung ini. Tujuan baik ugama ini seterusnya akan mengujudkan faktor faktor integrasi di kampung ini.

RAJAH 2

Dibawah ini diturunkan aktiviti aktiviti ugama yang dijalankan dalam Kampong Kepayang.

- i) 10 Muharram - Masak bubor asyura beramai ramai - diaruahkan pada simati (sambutan agak berkurangan dan terhad pada golongan tua).
- ii) Safar, Hari Rabu akhir: Pada masa dahulu mandi beramai ramai untuk menolak bala. Biasanya berkelah di Sungai Kinta.
- iii) Rabiul awal hingga Rabiul akhir: Dipilih satu hari didalam bulan ini

mengadakan sambutan keputeraan Nabi Muhammad (SAW). Kenduri besar besaran diadakan termasuk acara marhaban dan berzikir.

iv) 27 Rejab: Sambutan Nabi Mikraj. Tuan guru dari luar dijemput menceritakan kesah kesah Israk dan Mikraj.

Jamuan ringan diadakan selepas tamat membaca kesah tersebut. Selalunya hidangan dibawa sedara sukarela.

v) 15 Shaaban: Nispu Syaaban:

Nengikut Islam ini dikatakan sebagai 'tutup kira-kira buku dosa dan pahala lama dan diganti dengan yang baru! Diadakan istiadat membaca yasin atau kuran beramai ramai dimesjid dan disurau surau.

Jamuan ringan diadakan dari orang yang datang yang suka bersedekah.

vi) Ramadzan, puasa sebulan:

Terdapat 'moreh'¹ daripada individu yang telah ditetapkan tiap tiap malam disepanjang bulan ini. Sembahyang teraweh dan witir diadakan selepas sembahyang isyak. Kemudian 'Tedarus' membaca Kuran beramai ramai. Dimalam hari raya diadakan acara menutup tedarus. Jamuan yang agak istimewa diadakan oleh jawatan kuasa mesjid.

vii) 1 Syawal : Menyambut hari raya puasa, beramai ramai membaca

(1) Sebelum puasa lagi pehak jawatankuasa ugama telah menetapkan individu atau satu satu kumpulan untuk menyediakan makanan dimasa masa bulan Ramadhan.

takbir dan menunaikan sembahyang sunnah hari raya. Menziarahi sanak saudara dan sahabat handai. Diwaktu suboh menziarahi kubor.

viii) 10 Zulhijjah: Menyambut hari Raya Haji (korban), seperti menyambut hari Raya Puasa juga --- tapi agak kurang meriah.

Bagi kesimpulan bab ini dapatlah dikatakan segala faktor-faktor yang telah diperbincangkan tadi adalah merupakan 'mechanism' yang benar-benar mengawal konflik. Disamping itu juga mekanisme-mekanisme ini adalah bertindak sebagai social control bagi mengawal perlakuan penduduk-penduduk kampong ini supaya tidak menyeleweng dari norma-norma yang telah ditetapkan. Elemen-elemen 'mechanism' ini sebenarnya tidaklah ujud bersendirian tetapi saling bergantongan dengan faktor-faktor lain seperti faktor kawasan, pertumbuhan-pertumbuhan, kebudayaan, kepercayaan dan ugama demi mengujudkan perpaduan di kampong ini.

(II) Pusat Tumpuan Integrasi.

Peranan pusat pusat tertentu adalah memainkan peranan yang penting untuk menyatukan sesabuh masyarakat. Menerusi pusat pusat inilah segala anggota masyarakat itu dapat berkumpul dan dapat melaksanakan tujuan tujuan tertentu. Pusat pusat yang merupakan institusi ini dapat dibahagikan pada dua bahagian iaitu yang formal (rasmi) dan informal (tidak resmi). Bagi saya pusat pusat secara formal adalah memainkan peranan yang besar mengujudkan pergaduan dikalangan anggota masyarakat. Tapi tidak kurang juga pentingnya pusat pusat secara informal. Contoh contoh pusat tumpuan yang terdapat didalam kampong ini adalah seperti dewan orang ramai, masjid dan surau (madrasah), kenduri, gotong royong, gelanggang bulu tangkis dan gossip group (kumpulan bual). Dipusat pusat inilah mereka dapat bertemu dan menjalinkan ikatan yang mesra dan mengujudkan integrasi dikampong ini.

(i) Dewan orang ramai.

Dewan orang ramai Kampong Kepayang ini adalah merupakan satu fenomena yang baru terdapat dikampong ini. Iai adalah merupakan salah satu institusi pusat tumpuan sosial yang penting didalam kampong ini. Sebenarnya dewan kampong ini telah dua kali dibina iaitu setelah dewan yang pertama dirobohkan. Pembinaannya telah dibiayai oleh kerajaan negeri Perak dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$5,000/- dan ianya terletak berhampiran dengan rumah Tok Ketua (ketua kampong).

Dewan ini adalah merupakan pusat tumpuan yang penting dimana tumpuan secara resmi dan tidak resmi diadakan. Pada hari ini tumpuan secara resmi adalah lebih penting dimana hal hal mesyuarat diadakan disini. Manakala perkumpulan secara tidak resmi pula agak tidak begitu berfungsi lagi. Ini adalah kerana pehak dewan itu sendiri telah menubohkan berfungsi lagi.

nhili jawatan kuasanya sendiri yang telah dilantik bertanggong jawab keatas dewan itu. Umpamanya untuk kebersehan dewan itu. Pada mulanya, dewan itu dibuka saja. Penduduk penduduk disitu bebas keluar masuk tanpa menghiraukan kebersehaninya . Tetapi keadaan ini agak berlainan dengan sekarang dimana dewan itu hanya digunakan pada kepentingan kepentingan yang tertentu sahaja, dan tidak seperti dahulu. Ini dapat dilihat pada setiap hari dimana setelah dewan itu digunakan iaanya dikunci dan tidak dibenarkan se- siapapun masuk kedua-dua ada perkara perkara yang penting. Sunggohpun begitu pada keselurohannya dewan ini tidaklah sentiasa ditutup. Melah, boleh dikatakan setiap ^{hari} _A terdapat acara atau hal hal yang tertentu diedakan(sila lihat rajah dibawah).

Jadual Waktu kegiatan sosial didewan orang ramai Kampung Kepayang.

Hari	Waktu	Kegiatan
Isnin	3.00 - 4.00 ptg. 4.00 - 5.00 ptg.	Kelas Dewasa Kelas Ugama
Selasa	3.00 - 4.00 ptg.	Kelas Dewasa
Rabu	3.00 - 4.00 ptg.	Kelas Dewasa
Khamis	2.00 - 4.00 ptg.	Kelas Perpustakaan
Jumaat	2.00 - 4.00 ptg. 4.00 - 5.00 ptg.	Kelas Perpustakaan Kelas Jahitan.
Sabtu	2.00 - 4.00 ptg. 4.00 - 5.00 ptg.	Kelas Perpustakaan Kelas Jahitan
Ahad	2.00 - 5.00 ptg.	Perkhidmatan Doktor

Berbagai bagai aktiviti dapat dijalankan didewan ini, termasuklah hal hal politik, sosial dan ugama. Begitu juga mesyuarat mesyuarat

secara rassi diadakan didewan ini. Kelas perpaduan rakyat ^I umpananya diadakan tiga kali dalam seminggu. Dengan adanya kelas seperti ini dapatlah penduduk penduduk disini berkumpul, terutamanya dari kaum kaum ibu. Kelas ini adalah merupakan kelas bagi orang orang yang buta huruf, yang mana mereka tidak berpeluang untuk bersekolah dimasa dahulu. Ini adalah satu usaha korajaan bagi menghapuskan buta huruf dikalangan penduduk penduduk. Sebab itulah perbelanjaan perbelanjaan yang besar telah digunakan untuk tujuan ini. Untuk itu dewan orang ramaiilah ditempatkan bagi mereka mereka untuk menghadiri kelas ini. Sesbuten yang diberikan oleh penduduk penduduk disini adalah begitu menggalakkan. Ini ternyata sekali pada tiap tiap hari kelas itu diadakan. Keadaan penoh sesak. Mereka mereka yang turut serta bukanlah berlibat pada kaum kaum ibu semata mata tetapi juga anak anak gadis yang tidak tahu membaca dan menulis. Begitu juga suami masing masing sentiasa menggalakkan isteri isteri mereka supaya turut serta didalam kelas seperti itu. ~~yang mereka mengalih alihkan~~ ^{yang mereka mengalih alihkan} ~~dikenali sebagai kelas dewasa~~ ^{dikenali sebagai kelas dewasa} Jadi kita dapat, dewan adalah sebagai salah satu temuan penduduk disini, khususnya golongan wanita dalam konteks ini. Dengan itu dapatlah mereka berkumpul, bergaul neora diantara satu dengan laik ketika kelas itu diadakan. Tambahan pula kaum wanita adalah merupakan golongan yang tidak digalakkan untuk keluar dari rumah jika tidak ada urusan yang mustahak. Ini adalah merupakan hakikat bahawa nilai nilai tradisi masih kuat mengongkong hidupan mereka. Oleh itu dengan adanya peluang seperti ini, dapatlah mereka berjuspa dengan sahabat handai dan saudara mereka yang tinggal agak berjauhan dari rumah mereka. Dengan perjumpaan perjumpaan seperti ini dapatlah mereka mengkokahkan lagi ikatan hidup mereka dan menguatkan lagi sembahola kitaan dikalangan penduduk penduduk ini. Selalunya guru yang mengajar didalam kelas ini adalah terdiri dari penduduk asal kampong ini.

(I) Dulunya kelas perpaduan rakyat adalah dikenali sebagai kelas dewasa saja.

Selain daripada itu terdapat juga kelas saperti kelas menjahit, urusan rumah tangga dan kerja kerja tangan. Selalunya kelas kelas saperti di anjorkan oleh persatuan wanita dikampong itu dengan guru wanita dikampong itu dengan guru wanita dari tempat tempat lain. Fungsi fungsi kelas saperti ini adalah agak sama dengan fungsi yang telah di nyatakan diatas tadi, dimana mereka dapat berkumpul dan mengujudkan situasi integrasi dikampong itu, disampong menambahkan lagi pengetahuan mereka didalam lapangan lapangan tersebut.

Bagi kepentingan kanak kanak pula telah ditubohkan sebuah perpustakaan didewan ini. Pdrpustakaan ini adalah ditubohkan dengan bantuan kerajaan dan orang orang persaorangan bagi menggalakkan anak kecil supaya cenderong membaca buku. Berbagai bagai jenis buku terdapat di perpustakaan ini. Selain dari buku buku sekolah terdapat juga buku buku cerita yang sesuai dengan kanak kanak. Sambutan yang diberikan adalah begitu menggalakan. Ini ternyata dengan jelasnya, ramai diantara kanak kanak disini berkumpul didalam satu kumpulan membincangkan buku buku yang telah mereka pinjam. Keadaan saperti ini agak jelas juga ketika kajian ini dijalankan. Disamping itu mereka dibenarkan meminjam buku buku untuk dibawa pulang tetapi didalam masa yang dihadkan. Ini jelas menunjukkan sejak anak anak lagi mereka saling bermesra semasa mereka dan mengujudkan situasi aman damai.

Dari segi kesihatan pula dewan ini juga digunakan sebagai satu pusat perkhidmatan kesihatan. Perkhidmatan ini adalah dianjorkan oleh Union Club Ipoh. Ianya bertujuan untuk mengawasi kesihatan penduduk penduduk disini. Ia diadakan tiap tiap dua minggu sekali. Disamping memberi rawatan yang percuma dan hadiah hadiah yang tertentu saperti cermin mata kepada orang yang tidak mampu, perkhidmatan ini juga dengan cara tidak

langsung merupakan pusat tumpuan bagi penduduk penduduk kampong ini .

Bagi kaum lelaki pula dewan ini adalah merupakan tempat tempat perjumpaan rasmi bagi mesyuarat mesyuarat seperti mesyuarat ahli jawatan kuasa kampong, B.K.K, persatuan persatuan belia dijalankan. Mesyuarat seperti ini sebelum dewan kampong ini didirikan ianya diadakan didalam madrasah saja. Oleh itu fungsi dewan adalah diberatkan pada fungsi fungsi kehidupan sehari-hari dan tidak memberatkan pada aktiviti keugamaan.¹

Selain dari itu disamping untuk perjumpaan perjumpaan tertentu dewan ini juga merupakan tempat dimana mereka dapat bertukar tukar pendapat diantara satu dengan lain serta membincangkan kehidupan mereka. Oleh kerana hubungan mereka adalah begitu saling bersemuka (face to face) dapatlah mereka mengeratkan lagi hubungan antara sesama mereka dan mengujudkan integrasi dikampong ini.

(ii) Masjid dan Madrasah.

Segala aktiviti aktiviti yang berhubungan dengan keugamaan adalah ditujukan pada masjid dan surau. Masjid Kampong Kepayang yang terletak betul betul dipertengahan kampong ini, telah pun dibina pada tahun 1967 dibiayai oleh kerajaan negeri. Keadaannya begitu lengkap sekali dengan peralatan peralatan yang serba baru untuk kegunaan amal ibadat. Ia terletak didalam kawasan tanah perkuboran dan dipagari dengan dewan disekelilingnya. Manakala surau pula terletak sebelah menyebelah dengan masjid , tetapi keadaannya agak begitu udzor.

Selalunya masjid dan surau segala upacara upacara dan sambutan yang berhubungan dengan keugamaan diadakan. Walaupun aktiviti lain terdapat ditempat ini pada suatu masa dahulu tetapi dengan pembinaan dewan orang ramai segala aktiviti aktiviti yang berunsur keduniaan telah diadakan didewan saja dan tidak dimesjid atau disurau. Ia adalah merupakan

salah satu pusat perpaduan bagi penduduk Kampong Kepayang. Ini dapat dilihat dalam aktiviti yang terlibat disitu. Umpamanya upacara bersembahyang beramai ramai (berjemaah). Upacara seperti ini adalah merupakan upacara yang paling direstui oleh penduduk penduduk disini dan selaras dengan ajaran Islam. Bersembahyang beramai ramai adalah lebih besar pahalanya^I daripada bersembahyang bersendirian. Malahan Islam juga tidak merestui sesuatu kawasan jika penduduknya langsung tidak ada yang berjemaah. Oleh kerana ajaran ajaran saperti inilah memaksakan penduduk penduduk disini (walaupun tidak kesemua penduduknya) untuk bersembahyang beramai ramai dimesjid atau dimadrasah.

Upacara upacara sembahyang dapat dilihat setiap hari pada tiap tiap waktu dimesjid ini. Tetapi waktu maghrib dan isyak sajalah penduduk kampong ramai yang datang untuk berjemaah. Itupun pada mereka - mereka yang tinggal berdekatan dengan mesjid. Kebanyakannya golongan yang terlibat adalah golongan orang orang tua, walaupun terdapat sebahagian kecil golongan anak anak muda. Kesebukan dengan tugas masing masing adalah merupakan faktor penghalang bagi mereka mereka untuk datang kamesjid diwaktu siang hari. Oleh itu masa yang terluang hanyalah diwaktu petang saja. Ketika inilah mereka berkesempatan untuk pergi kamesjid. Disamping mengerjakan suruhan suruhan Tuhan dapatlah mereka berbual bual mesra sebelum menunggu waktu yang lain untuk bersembahyang. Dengan keadaan ini terjalinlah hubungan yang erat dikalangan penduduk penduduk dan mengujudkan semangat persahabatan, disamping menziarahi tempat suci Tuhan.

Upacara ugama lain yang penting adalah sembahyang Jumaat.

Upacara ini diadakan pada tiap tiap minggu ia itu pada tiap tiap hari Jumaat. Pada hari ini keadaan mesjid agak penuh sesak. Ini berbeza dengan upacara sembahyang lima waktu saperti yang tersebut diatas. Oleh kerana mesjid yang terdapat dikampong ini hanyalah sebuah saja dan terletak dipertemuan dua jalan.

^I Mengikut ajaran Islam pahala bersembahyang jemaah adalah 27 kali ganda daripada bersembahyang sendirian

ngahan kampong. Boleh dikatakan seluruh penduduk Kampong Kepayang I dan II datang menunaikan sembahyang Jumaat disini. Tambahan pula mesjid yang ada ditempat lain adalah agak jauh dari tempat itu. Pada asasnya seluruh penduduk Kampong Kepayang keluar beramai ramai menuju kamesjid pada hari ini. Ini tidaklah mementingkan kedudukan kedudukan mereka. Segala perengkat tua, muda, kecil besar, kaya miskin semuanya datang berhimpun kamesjid. Ada setengah setengahnya datang begitu awal, berwirid dan membaca ayat suci sebelum menunaikan sembahyang. Adalah menjadi amalan bagi penduduk penduduk disini mementingkan sembahyang Jumaat. Mereka mereka yang tidak hadir pada hari ini dianggap sebagai orang yang tidak beriman kepada Tuhan dan ianya disingkirkan dari masyarakat. Dengan sebab itulah mereka terpaksa menghadirkirkan diri untuk menghilangkan rasa malu dihati mereka. Lantas itu menjadi kebiasaan bagi mereka. Sunggohpun sembahyang lima waktu tidak mereka kerjakan tapi sembahyang Jumaat tidak sekali mereka abaikan. Malah upacara ini menjadi tradisi dari satu jenerasi kasatu jenerasi yang lain. Dengan adanya upacara seperti ini dapatlah mereka berbual bual mesra, berkenalan, terutama dengan anggota anggota "outer group" dan "inner group". Dengan adanya bersalamansesama mereka, akan mempertegohkan ikatan mesra dikalangan mereka dan menghilangkan rasa tidak senang hati dikalangan mereka. Dengan itu ujudlah dual function, iaitu segi perpaduan penduduk dan disamping menunaikan perentah ugama. Upacara sembahyang Jumaat ini tidaklah dapat disambung dengan sembahyang fardhu yang lima. Oleh kerana perubahan perubahan yang berlaku pada kampong ini seperti kemasukan unsur unsur moden telah mengurangkan tumpuan tumpuan mereka pada upacara upacara ugama. Umpamanya dengan adanya television, radio dan berbagai bagai alat hiburan yang lain telah mengurangkan penduduk penduduk disini untuk datang beramai ramai ka-

mesjid kecuali pada hari Jumaat.

Disamping itu sembahyang hari raya adalah merupakan sembahyang yang mendapat sambutan paling baik dari penduduk. Terutama hari raya puasa. Pendek kata hari ini adalah hari yang paling bahagia bagi umat Islam dengan sebab itulah ia disambut dengan begitu meriah. Pada hari itu kelihatan seluruh penduduk penduduk kampong kecil besar, tua muda, miskin kaya datang berhimpun kamesjid untuk mengikuti khutbah dan menunaikan sembahyang hari raya. Bukan sahaja penduduk penduduk yang menetap dikampong ini datang beramai ramai kamesjid. Malah terdapat juga kaum famili famili yang menetap diluar balek kakampong untuk menziarahi keluarga, mereka juga turut datang kamesjid ini. Ini menambahkan lagi kehebatan pada upacara upacara pada hari itu. Disamping menyambut hari yang suci lagi mulia itu dapatlah mereka bersalam salaman menghalalkan segala apa yang telah berlalu. Sebaik baik saja upacara ini selesai masih nasing pergi melawat kerumah saudara mara dan sahabat handai. Pada hari ini juga mereka saling bermaaf maafan .Situasi begini adalah benar benar mengujudkan satu keadaan yang harmoni lagi tenteram dan menambahkan lagi perpaduan dikalangan penduduk penduduk.

Upacara upacara lain adalah seperti bersembahyang sunnah untuk menolak bala. Contoh yang jelas dapat diketahui ketika sesuatu kejadian yang tidak baik berlaku dinegeri ini ataupun dikawasan kampong ini. Ini ternyata sekali ketika keadaan konfrontasi Indonesia dan Mala ysia (1965) dan kejadian 13 May 1969 dulu. Sembahyang tolak bala telah diadakan dengan tujuan untuk menghindarkan keadaan seperti itu berulang. Disamping itu juga terdapat upacara/ugama yang lain seperti Majlis Maulud Nabi, Israk dan Mikraj dan lain lain upacara lagi yang menggambarkan hari hari kebesaran Islam. Majlis majlis seperti ini diadakan sekali pada tiap tiap tahun. Keadaan pada

waktu itu agak penoh sesak juga dimana seluroh anggota dalam kampong ini berkumpul dan mendengar syarahan syarahan yang diberikan oleh tokoh tokoh ugamayang datang dari luar, disamping jamuan yang ala kadar diedarkan. Majlis majlis saperti ini juga mengeratkan perhubungan dikalangan penduduk kampong ini.

Terdapat juga kumpulan kumpulan ugama yang ditubuhkan oleh penduduk kampong ini saperti kumpulan rebana, berzanji, marhabban dan kelase kelas mengaji koran. Selalunya kelas kelas saperti ini diadakan dimadrasah ataupun disurau surau saja. Kelas kelas mengaji koran juga dianjurkan oleh pehak masjid bagi mulatoh anak anak muda dikampong ini supaya tahu membaca koran. Biasanya guru guru yang mengajar kelas kelas saperti ini adalah orang daripada luar kampong. Disamping mengajar hal hal bacaan koran guru guru ini juga mengajar tafsiran tafsiran alkoran, tajuid, dan hukum hukum yang bersangkutan dengan Islam.

Oleh itu dapatlah dikatakan peranan mesjid dan surau adalah begitu besar pada penduduk penduduk kampong. Disamping ianya bersifat keduaniaan ini juga mendorongkan umatnya pada jalan yang direhui oleh Islam. Melalui melalui peristiwa peristiwa yang telah disebutkan itu dapatlah menyata padukan mereka dan mengujudkan keadaan harmoni diKampong Kepayang ini.

(iii) Kenduri.

Apabila membicarakan tentang kenduri kita dapat membayangkan satu perkumpulan orang ramai. Termasuklah kenduri secara untuk bersuka suka ataupun sebaliknya. Apabila mengkaji fungsi kenduri sebagai satu aspek mengintegrasikan penduduk disini, terlebih dahulu kita sepatutnya membahagikan berbagai bagai jenis kenduri yang terdapat disini. Antaranya ialah kenduri kahwin, kenduri aruah (membayar niat simati), kenduri doa selamat, kenduri berkhitanan dan lain lain lagi. Apa yang ditemui diantara banyak kenduri kenduri tersebut adalah tentang perubahan perubahan yang berlaku didalam tiap

tiap kenduri tersebut terutama sekali pada kenduri yang bercorak sukaria. Tetapi tidak pada kenduri yang bercorak sedeh, umpamanya kenduri kerana sesuatu kematian.

Kenduri kahwin adalah merupakan kenduri yang paling meriah sekali diantara kenduri kenduri yang disebutkan tadi. Pada hari itu seluroh penduduk kampong datang berduyun duyun kerumah pengantin baru. Pendek kata hari itu adalah merupakan satu perayaan bagi seluroh penduduk kampong. Mereka datang beramai ramai memakai pakaian serba baru, seolah olah pada hari itu sebagai hari raya bagi mereka. Keadaan seperti ini terkecuali pada kenduri kahwin secara senyap senyap atau lebeh dikenali dengan "kahwin koboi" saja.

Oleh kerana fungsi perkahwinan bukanlah memberatkan fungsi biojenik tetapi lebeh merupakan fungsi sosial, oleh itu sepatutnya lah kenduri seperti ini diambil berat oleh setiap famili yang hendak mengadakan kenduri kahwin ini. Tetapi, tidaklah secara keterlaluan umpamanya sanggup bergadai asalkan suasana kenduri itu menjadi meriah. Pendek kata cukup sebagai ala kadar saja dan menepati kehendak kehendak masyarakat disini supaya mempelai itu diiktiraf sebagai anggota yang baru kahwin.

Gelain daripada tujuan kenduri ini sebagai untuk mendapatkan pengiktirafan dari masyarakat, mereka mereka yang datang pada hari itu adalah diharapkan majlis seperti itu sebagai satu tempat untuk bersuka ria dan makan beramai ramai. Disinilah didapati pusat pertemuan penduduk penduduk disini secara beramai ramai sambil meraikan pengantin baru. Dengan cara tidak langsung keadaan seperti ini mengeratkan perhubungan dikalangan mereka. Seperti yang terlihat ketika seperti ini diajukan mereka dapat bertemu antara satu dengan lain, berkenal kenalan bersama sahabat handai dan saudara mara. Dengan itu dapatlah mereka meneruskan perhubungan mereka

dengan lebih mesra dan mengjudkan keadaan yang lebih harmoni lagi di-dalam kampong ini.

Apa yang dititek beratkan didalam hirisan ini adalah aspek integrasi yang timbul daripada kenduri kahwin dan tidak pada perkahwinan itu semata muta. Seperti disetiap keadaan kampong tradisional orang orang Melayu dimana saja dinegara kita, tumpuan yang begitu berat adalah ditujukan pada kenduri kahwin ini. Pendek kata seluruh penduduk penduduk kampong ini mesti hadir pada hari tersebut, kecuali pada mereka mereka yang udzor. Keadaan ini menunjukkan semangat perkampongan itu masih rebati dikenangan mereka. Apabila seseorang daripada mereka tidak menghadzirkan diri pada hari itu sanction (hukuman) akan dikenakan padanya. Umpamanya pemulihran orang itu apabila gilirannya hendak meraih majlis saperti ini. Keadaan saperti ini monakutkan individu tersebut lantaran itu terpaksa bekerjasama dengan anggota anggota individu dalam masyarakatnya supaya keadaan conformity ujud. Tetapi keadaan sekarang jauh perbedzaannya dimana nilai nilai saperti itu kurang berfungsi lagi. Walau pun ramai yang tidak menghadzirken diri tetapi mereka tidak dikedam dengan hebatnya.

Seperti yang kita ketahui perkahwinan bukanlah dianggap satu perkara yang mudah sahaja. Malahan ia adalah begitu remeh sekali, dan memerlukan tenaga yang banyak. Adalah mustahil kenduri saperti ini dapat dijalankan tanpa penglibatan orang lain selain daripada familiinya. Segala-gala kelengkapan terpaksa diuruskan sebelum hari perkahwinan dilangsungkan. Oleh itu adalah menjadi tugas bagi individu dalam kampong itu, khasnya anak saudara datang membantu saperti membuat perhiasan dan perkara perkara yang sepatutnya dilakukan, memasak, membersehkan rumah dan berbagai bagai kejja lagi. Setengah setengahnya pula mereka ini dijemput khas pada keadaan masoh awal lagi.

Begitu juga dengan kaum lelaki, dua minggu sebelum upacara kenduri kahwin diadakan pehak keluarga telah berbincang membuat sesuatu yang patut dilakukan. Umpamanya mendirikan bangsal bangsal. Selalunya kerja mendirikan bangsal ini dilakukan seminggu sebelum upacara kenduri kahwin dijalankan. Pada hari ini ramailah dikalangan mereka yang bertungkus lumus membuat pekerjaan yang sepatutnya. Pekerjaan mereka ini tidaklah mengharapkan apa apa upah dari tuan rumah tetapi cuma sekadar membantu saja. Pendek kata saudara mara dan jiran rapat bertanggong jawab pada aktiviti aktiviti saperti ini. Jiran atau saudara mara yang tidak turut sama pada hari ini akan dikecam oleh penduduk kampong. Dengan keadaan ini timbulah keadaan integrasi ^{ka} dilangan mereka.

Bagitu juga apabila tiba masa upacara kenduri kahwin diadakan. Mereka saling membantu. Berbagai babagai persatuan dikampong ini akan mendorangkan hadiah hadiah pada pehak mempelai. Persatuan persatuan saperti kaum ibu, persatuan belia adalah tergolong didalam hal ini. Bagi ahli ahli belia pula adalah menjadi tanggong jawab mereka meraikan tetamu yang datang. Kerokalah yang bekerja bertungkus lumus mengangkat hidang untuk para jemputan. Keadaan saperti ini berlainan daripada masa dahulu iaitu dimana kaum bapak (golongan dewasa) yang selalu menguruskan hal hal ini. Tetapi pada hari ini kaum kaum bapak cuma memerhatikan saja disamping tugas mereka memasak nasi dan lauk. Begitu juga pada kebiasaan orang saperti 'outer group' dijemput hadzir pada hari ini. Dengan itu terjelmalah persahabatan diantara outer dan inner group. Keadaan kenduri kahwin pada hari ini agak berlainan sedikit dengan cara tradisional dahulu. Ini adalah kerana perubahan perubahan yang berlaku dan exposure (pendedahan) pada gejala gejala moden. Umpamanya pada waktu dahulu, segala upacara upacara yang diadakan adalah bercorak tradisional saperti bermain rebana (bercorak lama) tanpa

mahu diambil upah. Tetapi keadaan pada hari ini kugiran kugiran tempatan telah menggantikan tempatnya, terutama sekali pada mereka mereka yang berada. Permainan kugiran kugiran ini adalah dibayar, kadang kadang seva untuk bermain muzik untuk sehari semalam adalah melebihi \$100/-. Keadaan saperti ini tidak terdapat pada waktu dahulu. Walaupun terdapat kumpulan rebana rebana atau kompong, persatuan mereka juga menerima upah, selalunya didalam lingkungan \$20/-. Walaupun fenomena fenomena perubahan ini begitu jelas sekali, tetapi ia tidaklah dititekberatkan didalam huraian ini. Disini kita dapatti upacara kenduri kahwin adalah berfungsi sebagai pusat penting bagi mengintegrasikan penduduk penduduk disini. Kehadiran sesaorang didalam majlis ini adalah begitu besar peranannya untuk mengujudkan keadaan yang hormoni.

Disamping kenduri kahwin terdapat juga kenduri orang mati, bayar niat simati dan lain lain lagi. Apa yang jelas didapati dalam majlis majlis saperti ini sungguh terdapat perbezaan perbedaan tertentu. Umpananya didalam kenduri orang mati, kedatangan sesaorang ka majlis itu adalah menunjukkan rasa simpati kepada keluarga simalang dan sebab itulah majlis tahlil diadakan untuk disedekahkan pada roh simati. Pada hakikatnya fungsi fungsi majlis saperti ini samalah seperti fungsi yang terdapat diupacara kenduri kahwin iaitu dimana mereka sama sama menuju kesatu arah perpaduan untuk hidup sebagai anggota masyarakat dikampung ini.

(iv) Gotong royong.

Telah menjadi adat bagi tiap tiap individu sebagai anggota di dalam satu masyarakat kampong pekerjaan gotong royong sering dipraktikkan. Ini adalah unsur kerja sama dan semangat kekitaan yang ditunjukkan oleh mereka sebagai anggota individu didalam masyarakat itu. Begitu juga hal hal seperti ini maseh terdapat dikampung ini khasnya. Walaupun kampong ini telah

banyak menempoh perubahan perubahan sudah tentu mengalami perubahan perubahan. Keadaan ini tidak menjaskan anggota anggota kampung ini untuk turut bergotong royong dikalangan mereka.

Pada hakikatnya kerja gotongroyong untuk sesuatu kebajikan adalah labuh banyak terdapat dikampung ini dari gotong royong yang bercorak ekonomi. Ini akan kita dapati pada perbincangan yang berikutnya, dimana akan kita temui penglibatan pada aktiviti aktiviti gotong royong adalah benar-benar menunjukkan sikap perpaduan dikalangan anggota anggotanya.

Boleh dikatakan disepanjang tahun terdapat beberapa aktiviti gotong royong diadakan dikampung ini. Pada kebiasaananya aktiviti aktiviti ini diadakan pada hari Ahad, dimana ramai penduduk penduduk disini bercuti. Oleh itu ramailah diantara mereka yang menyertai rancangan rancangan yang ditetapkan. Contoh contoh yang jelas boleh kita dapati pada usaha usaha seperti mencuci kawasan mesjid, mencuci tanah perkuboran. Aktiviti aktiviti seperti ini diadakan sekurang kurangnya dua kali pada tiap tahun. Pada haridan masa yang telah ditetapkan ramailah penduduk penduduk kampung datang ka tempat yang dituju. Masing masing membawa perkakas saperti parang, cangkul dan lain lain lagi. Pada kebiasaananya tiap tiap famili menghantarkan seorang wakil ka tempat ini. Pada mereka yang tidak dapat hadzir selalunya membawa barang barang makanan untuk disedekahkan. Keujudan sesorang didalam aktiviti aktiviti saperti ini adalah begitu penting sekali. Walaupun pada hakikatnya sesorang itu tidak dapat bekerja daripada apa yang sepatut dilakukannya, tetapi kehadirannya adalah begitu penting, walaupun hanya 'menunjukkan muka' saja. Apabila sesorang anggota itu tidak hadzir maka banyaklah pertanyaan saperti "mengapa si anu itu tak datang kesini ada apa apa hal kah yang berlaku padanya". Keadaan keadaan saperti ini menunjukkan betapa pentingnya kehadiran didalam aktiviti tersebut.

Kerja gotong royong yang bersangkutan dengan ugama adalah begitu jelas sekali bagi penduduk penduduk disini untuk bekerjasama. Ini dapat dilihat daripada kerja sama yang diberikan adalah agak lebih besar daripada aktiviti aktiviti lain. Perkara perkara yang bersangkutan dengan ugama adalah dianggap penting dan sesuai dengan ajaran Islam bagi mereka. Aktiviti aktiviti seperti ini akan mendapat pahala yang lebih besar dari pada aktiviti lain. Oleh kerana aktiviti aktiviti seperti ini diadakan pada waktu, masa dan tempat yang tertentu, dapatlah mereka berkumpul sekali sekala bertemu dan berbual dengan begitu mesra. Peluang seperti ini memang jarang mereka dapati kerana sebok dengan tugas masing masing. Dengan adanya kegiatan seperti ini dapatlah menyatukan perhubungan dikalangan mereka.

Begitu juga dengan aktiviti lain, umpamanya kerja kerja kebajikan kampong seperti mencuci kampong, membaiki jalan dan menebas belukar belukar yang agak semak. Aktiviti aktiviti gotong royong seperti ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari golongan tua dan muda. Terutamanya golongan golongan belia, mereka saling bekerjasama diantara satu dengan lain dan sesuai dengan matlamat persatuan ini iaitu untuk bekerjasama di setiap aspek untuk kebajikan kampong. Aktiviti aktiviti seperti ini jika dibandingkan dengan aktiviti yang bercorak ugama terdapat perbedaan tertentu. Ini dapat kita lihat tentang sambutan sambutan yang diberikan oleh penduduk penduduk disini. Didapati aspek aspek yang bercorak keugamaan sambutannya agak begitu ramai jika dibandingkan dengan aspek aspek yang bercorak kebajikan kampong. Walaubagaimanapun hakikat gotong royong maseh tetap ujud dikampong ini dengan semangat kekampongan yang begitu menulari disetiap anggota individu didalam masyarakat ini.

Oleh kerana perubahan perubahan yang mendatang sedikit sebanyaknya menggugat semangat bergotong royong (tidak dimaksudkan secara keseluruhan)

rohannya). Umpamanya aktiviti derau¹ iaitu aspek bergotong royong didalam aktiviti aktiviti pertanian yang terdapat dikampung ini sudah tidak ada lagi. Ini adalah kerana perubahan yang berlaku keatas kampong ini jika dilihat dari aspek pekerjaan didalam ekonomi hidup mereka. Penduduk penduduk disini tidak lagi menjalankan usaha pertanian saperti yang terdapat dimasa masa dahulu. Malahan mereka telah pun menukar corak pekerjaan mereka kearah pekerjaan makan gaji. Begitu juga sikap materialism yang menukar disetiap anggota individu didalam kampong ini; oleh kerana wang memainkan peranan yang penting ia telah menukar corak hidup mereka. Umpamanya bergotong royong untuk membuat rumah ataupun memindahkan rumah tidak terdapat dimasa ini. Masing masing mengerjakan dengan sendiri saja atau menggil tukang rumah apabila sesebuah rumah hendak didirikan.

Walau bagaimanapun sikap gotong royong itu tetap ada dikampung ini terutamanya bagi kebajikan kampong dan aspek aspek keugamaan tetapi aspek individu (contohnya seperti membina rumah dengan cara minta bantuan) sudah tidak terdapat lagi. Oleh itu nyatalah bahawa sikap yang ditunjukkan oleh penduduk penduduk disini pada waktu bergotong royong diadakan adalah begitu padu sekali. Ini akan merapatkan lagi hubungan silaratulrahim dikalangan mereka dan seterusnya mengintegradkan suasana kampong ini.

Selain dari pusat pusat cara formal, pusat pusat secara informal juga tidak kurang pentingnya bagi mengujudkan integrasi dikampung ini. Pusat pusat ini adalah seperti gelanggang bulu tangkis, kumpulan bual, (gossip group) dan dikedai kedai runcit.

(i) Gelanggang bulu tangkis.

Terletak dipertengahan kampong ini terdapat sebuah gelanggang bulu tangkis yang telah dibina oleh kerajaan bagi memberikan per-

(1) Lokiah Talib;ibid.

luang anak-anak kampung ini untuk maju didalam sukan. Tempat ini adalah merupakan tumpuan bagi kanak-kanak bermain terutama permainan bulu tangkis (badminton) dan sepak raga jaring. Didapati setiap petang ramai anak-anak muda bermain ditempat ini. Dengan adanya tempat seperti ini dapatlah mereka bertemu sambil bermain main. Begitulah disetiap hari perhubungan mereka. Keadaan ini sudah tentu mengujudkan keadaan mesra dikalangan mereka sejuk anak-anak lagi. Disamping bermain main untuk bersuka terdapat juga permainan antara kampung (inter village), pada waktu-waktu yang tertentu. Pada hari ini ramai penduduk penduduk kampung keluar menyaksikan perlawanan ini. Masing-masing memberi sokongan pada pihak kampung mereka. Begitulah keadaan mereka apabila perlawanan seperti ini diadakan. Semangat kekampungan itu tetap ujud disetiap sanubari penduduk kampung ini. Ini bukanlah terhad pada kalangan lelaki sahaja malahan perempuan juga turut serta memberikan sokongan pada kampung mereka.

(ii) Kumpulan-kumpulan bual (gossip group).

Disamping pusat-pusat yang telah diperbincangkan tadi terdapat juga kumpulan bual dikampung ini sebagai pusat tumpuan integrasi. Pusat-pusat kumpulan bual selalunya didapati ditempat-tempat tertentu. Umumnya dikedai kedai runcit dan dikedai kedai kopitiam. Sambil membeli barang-barang keperluan mereka dapat bertemu dengan kawan-kawan mereka. Disini dapatlah mereka bersempang sembang panjang sambil bertukar-tukar fikiran. Keadaan ini terdapat disetiap hari, terutama dikedai kedai kopitiam. Sambil minum secawan kopitiam mereka asyik bersempang sembang hingga tuan punya kedai berasa bosan dengan mereka. Perjumpaan-perjumpaan dan interaksi mereka sesama sekampung adalah begitu mesra sekali dan mengujudkan suasana harjoni bagi kampung ini secara keseluruhannya.

BAB 5

PENUTUP

Dari perbincangan dan keterangan keterangan yang telah dibentangkan dalam kajian ini maka dapatlah dibuat beberapa kesimpulan dan pandangan mengenai kampong ini.

Akibat dari peroses perubahan yang berlaku keatas kampong ini terutamanya didalam aspek ekonomi, social dan politik benar benar mempengaruhi aspek hidup dikampong ini. Masaalah timbul dari segi penyesuaian, pergeseran dan konflik antara nilai nilai lama yang masih kuat dipertahankan dengan nilai nilai baru yang begitu mencabar.

Oleh kerana kampong ini adalah merupakan kawasan kawasan pinggiran bandar. Banyak unsur unsur moden yang meresap ka kampong ini terutamanya penyesuaian nilai nilai lama dan nilai nilai baru. Disini didapati satu keadaan yang agak contradiction dimana satu pihak mempertahankan nilai-nilai lama dan di pihak lain pula cuba memperkenalkan nilai nilai baru. Sungguhpun terdapat pergeseran kedua dua golongan ini pada permulaannya tetapi samaorang terutama didalam proses perubahan.

Begitu juga akibat pelajaran moden terutama pelajaran Inggeris. Faktor ini benar benar mengubah corak kampong ini cara keseluruhannya. Walau pun pada hakikatnya pada masa dahulu sibapa takut menghantar anak anak mereka kasekolah Inggeris, dengan alasan mereka mereka ini akan murtad. Tetapi keadaan begini agak berbeza dihari ini. Malah ramai dikalangan ibu-

bapa yang conservative cuba menghantar anak anak mereka ke sekolah Inggeris. Akibatnya pendokong pendokong golongan baru tidak lagi mahu menerima nilai-nilai yang lama dan menggantikan nilai nilai yang baru.

Begitu juga konflik yang lain seperti konflik antara adat oriented dan moden oriented, dan konflik keturunan. Sesungguhnya konflik konflik seperti ini adalah bercorak latent saja. Tetapi konflik konflik ini tidaklah begitu ketara dan menjadi masaalah kepada mereka. Mungkin kerana sifat sifat asasi orang Melayu yang suka bertolak ansor dan selaras dengan ajaran Islam yang mereka anuti. Sifat bersabar memang sudah nasib dan suratan adalah dikenitkan dengan ketuhanan. Seolah olah mereka menyerah bulat bulat kepada Tuhan sebagai menerima segala apa yang berlaku.

Konflik yang agak ketara (*overt*) adalah merupakan satu fenomena baru dikampung ini. Konflik yang dimaksudkan adalah konflik kepentingan. Pada peringkat permulaan, konflik jenis ini agak tidak nyata, tetapi setelah ramai kaum kaum pendatang yang menyewa timbulah konflik baru. Kadangkala konflik ini adalah lebih overt sehingga menyebabkan pergaduhan yang berlarutan diantara mereka. Konflik konflik ini termasuklah dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Masing masing pihak cuba mementingkan pihak. Akibatnya pergolakan terjadi. Sungguhpun konflik ini adalah merupakan fenomena baru tapi tidaklah dapat dikatakan sebagai merosakkan entiti kampong ini pada keseluruohnya. Golongan golongan asal tetap menganggap mereka ini (kaum pendatang) sebagai bahagian dari penduduk Kampong Kepayang. Cuma pada ketika-ketika tertentu sahaja konflik ini muncul didalam aspek aspek yang telah diterangkan tadi.

Sungguhpun konflik konflik nilai, keturunan yang berlainan, adat oriented dan moden oriented, dan konflik kepentingan ujud dikampung ini terdapat juga integrasi dikalangan penduduk penduduk penghidupan dan meng-

ujudkan entiti Kampong Kepayang dari keseluruhannya. Ini dapat kita perhatikan dalam 'mechanisms' yang mengujudkan integrasi dikampung ini. Faktor-faktor ini dapat kita lihat seperti kawasan yang sama, jiran tetangga, menemui hal-hal yang sama, agama, kebudayaan, institusi yang ujud dan lain-lain ciri homogeniti yang boleh mengawal berlakunya perpecahan dan mengujudkan satu keadaan 'equilibrium'. Disamping itu juga terdapat social control yang mengawas setiap perlakuan individu individu yang mana menganggotai masyarakat ini. Peranan peranan saperti ini dapatlah dilihat dari peranan-peranan institusi institusi baik secara formal atau tidak baik yang diwarsi dari kampong (ugama, adat istiadat) atau pun yang ujud dikampung ini. Peranan peranan saperti ini amat penting bagi individu supaya tidak melakukan kegiatan kegiatan diatas landasan yang dibenarkan oleh norma-norma kampong ini.

Ini dapat kita lihat terhadap sikap kekampongan yang ujud disetiap individu yang menganggotai masyarakat ini. Sikap tolong menolong, suka mengambil tahu dan sikap bertolak ansor tetap ujud dikalangan mereka. Sungguh pun ramai kaum kaum pendatang mereka tetap memberikan kerjasama yang erat disetiap aktiviti yang dijalankan dikampung ini. Umpamanya turut sama menyertai aktiviti aktiviti gotong royong membersihkan kubor, mengambil berat terhadap setiap aktiviti aktiviti saperti ugama, sosial, politik dan lain-lain lagi. Begitu juga didalam kenduri kendara mereka tetap bersama meraih majlis majlis saperti itu. Faktor-faktor inilah yang menyebabkan integrasi pada keselurohan kampong ini. Pendek kata setiap golongan dari sejak anak-anak hingga ke perenngkat orang tua tetap menghormati antara satu dengan yang lain untuk mengujudkan suasana harmoni.

Apa yang diperhatikan pada keselurohannya faktor konflik dan integrasi tetap ujud seiring jalan. Bukanlah faktor konflik ini semata-mata

bersifat dysfunctional tetapi kadang kadang boleh juga bersifat functional dan seterusnya mengujudkan faktor integrasi. Apa yang diketemukan faktor-faktor konflik yang terdapat adalah bercorak latent saja. Sunggohpun terdapat konflik konflik yang agak overt, tetapi adalah pada masa masa tertu sahaja seperti yang telah diperbincangkan dahulu. Seolah olah suasana harmoni tetap ujud dikalangan mereka seharian. Ini dapat kita lihat dalam interaksi dikalangan mereka.

Pada hakikatnya proses perubahan sosial telah benar benar merobah keselurohan kampong ini didalam aspek aspek ekonomi, politik dan sosial. Faktor modernisasi tetap lebeh mempengarohi disetiap aspek, sunggohpun pada perengkat permulaannya terdapat pergeseran. Proses penyesuaian beginilah seterusnya mengekalkan entiti kampong ini secara keselurohannya mengujudkan faktor faktor integrasi dan konflik.

BIBLIOGRAPHY

1. Beattie; John; Other Cultures; Aims and Achievements in Social Anthropology. Routledge and Kegan Paul Ltd., London 1964.
2. Chapman, F.S.; The jungle is neutral. London: Chatto and Windus 1949.
3. Charles Wagley and Marvin Harris; Minorities in the new world. Columbia, London, (ed.), Columbia University Press. 1964.
4. Conner A; Function of Social Conflict, Routledge and Kegan Paul Ltd., London, 1956.
5. Djamour, J; Malay Kinship and Marriage in Singapore, New York, Humanities Press Inc.
6. Encyclopaedia of Social Science.
7. Geertz C; The Religion of Java, Free Press of Glencoe, London 1961.
8. Cullick, J.M.; Indigenous political System of Western Malaya, Rumanities Press. Inc. New York 1959.
9. Mac Iver and Page; Society, Mac Millan Co. Ltd., London 1964
10. Mac Iver and Page; Masyarakat, Kuala Lumpur, DBP (terjemahan), 1970.
11. Moore W.E; Social Change, Prentice - Hall Inc. New Jersey, 1963
12. Neumeyer H.H.; Social Problems and the Changing Society.
13. Raymond Firth; Elements of Social Organisation, London, C.A. Malte and Company Ltd.
14. Redfield R.; Peasant Society and Culture, University of Chicago Press, Chicago.
15. Small, Albion W.; General Sociology, University of Chicago Press, 1965
16. Sorokin, P.; Social and Cultural Dynamics, Perter - Sargent Publisher Boston, 1957.
17. Swift M.C. Malay Peasant and Society in Jelebu, University of London, The Athlone Press 1965.
18. Syed Hussin Ali; Social Stratification in Kampong Bagan, A study of class, status, conflict and mobility in rural Malay Community, Singapore Malaysia Branch, Royal Asiatic Society, 1964.
19. Syed Hussin Ali; Perubahan Masyarakat Desa dari segi sosial. (Kertas Kerja Seminar Anjuran PBMUM, 1967).
20. Steward J.H; Contemporary Change in traditional societies, Vol. I Illinois, University of Illinois Press 1967.
21. Wahab Alwee; Integrasi dan Konflik, Kajian Ilmiah, 1965.

22. Yon Samsai Zainuddin; Proses Perubahan Sosial, Sebuah Kampong Pinggiran Bandar, Kampong Kepayang, Fair Park, Ipoh, Perak.
Latehan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, University Malaya,
Kuala Lumpur, 1973 - 74.
23. Rokiah Talib; Konflik dan Integrasi Dalam Masyarakat Perubahan
(Kampong Kepayang), Kajian Ilmiah Sarjana Muda Sastera,
University Malaya, Kuala Lumpur, 1966 - 67.